**Gan Kim Tian**, berusia 31 tahun, adalah lulusan Universiti Tunghai, Taiwan, dengan ijazah Kejuruteraan Perindustrian. Beliau telah diambil bekerja untuk mengetuai salah sebuah kilang dalam Tomisho pada tahun 1995. Sebelum itu, beliau bertugas sebagai pengurus kilang selama 2 tahun dengan Mattaku Sdn Bhd, iaitu kilang perabot. Kini beliau merupakan Pengurus Perkilangan, Perancangan dan Kawalan yang bertanggungjawab dalam perancangan perniagaan keseluruhan, penyelarasan bekalan bahan mentah dan membekalkan keluaran kayu getah separuh siap untuk dibuat kemasan di kilang-kilang lain.

**Lim Kok Seong**, berusia 25 tahun, merupakan salah seorang perintis dalam Tomisho, naik pangkat dari peringkat bawah dari tahun 1992 menjadi salah seorang pengurus kilang bagi Kumpulan. Beliau memahami objektif dan pengendalian bahagian perkilangan Kumpulan sejak penubuhannya.

**Loh Joon Hock**, berusia 30 tahun, merupakan salah seorang pengurus kilang bagi Kumpulan. Beliau telah terlibat dalam pengendalian kilang sejak 1987 lagi dan telah menguruskan pengendalian kilang sejak 1992. Beliau menimba pengalamannya dalam industri perabot dengan Federal Furniture Sdn Bhd dan berkhidmat dengan syarikat itu sehingga 1993. Beliau kemudian menyertai RSK Sdn Bhd, yang bergiat terutamanya dalam pengeluaran komponen-komponen perabot, sebagai pengurus kilang selama 3 tahun sebelum menyertai Yongelee (M) Sdn Bhd, yang bergiat terutamanya dalam pembangunan harta dan perkhidmatan kontrak luar pesisir, pada tahun 1996 sebagai eksekutif pengendalian. Pada Mac 1998, beliau memegang jawatannya sekarang.

**Richard Martin Thomas**, berusia 48 tahun, menyertai THB pada Julai 1997 dan kini mengetuai pejabat pemasaran THB di UK. Beliau telah berkhidmat dengan Kumpulan THB sejak penubuhan usaha niaga luar negaranya di United Kingdom. Beliau lulus dari Cardiff College of Art and Design pada tahun 1972 dan memperoleh Diploma Pembinaan 3-Dimensi pada tahun 1975 dari Bristol Polytechnic Faculty of Art and Design. Beliau telah bergiat dalam perniagaan perabot ini sejak 25 tahun lalu dalam pelbagai bidang seperti pengkonsepan, reka bentuk, pemasaran, pengurusan harian syarikat-syarikat perabot, serta ubah hias kontrak dan membuat tender. Sebelum menyertai THB, beliau bekerja dengan beberapa syarikat perabot di United Kingdom, seperti Christie Tyler Furniture Ltd (1975-1979), Kumpulan Craftdene (1979-1981), Mantrack Holdings (1982-1983), J.e. Twiss Designs Furniture (1983-1988) dan Cascade Interiors Furniture Ltd (1988-1995). Beliau memiliki pengetahuan dan pengalaman tentang pasaran UK, pasaran Kesatuan Eropah dan juga bekas negara-negara Blok Timur.

### 9.6.3 Pertalian Keluarga

Selain Lim Eng Huat, Lim Eng Ann dan Lim Eng Peng, yang merupakan adik-beradik, tiada pertalian keluarga yang lain di kalangan dan di antara para pengarah dan pengurusan kanan Kumpulan THB.

### 9.6.4 Kakitangan

Setakat 31 Disember 1999, Kumpulan mempunyai pasukan kakitangan seramai 964 orang yang 39 daripadanya merupakan kakitangan pengurusan dan profesional. Tiada seorang pun kakitangan Kumpulan menjadi ahli mana-mana kesatuan. Dalam sejarah Kumpulan, pihak pengurusan tidak pernah mengalami sebarang mogok atau gangguan yang berkaitan dengan kerja. Justeru itu, THB percaya bahawa ia mempunyai hubungan yang harmoni dengan kakitangannya.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN THB *(Samb)*

### 9.7 HARTA-HARTA

Harta-harta Kumpulan THB adalah seperti berikut:-

| Pemilik | Hak Milik/Lokasi | Pegangan | Anggaran usia (tahun) | Keterangan/ Kegunaan semasa | Keluasan tanah/ kawasan dibina (kaki persegi) | Nilai buku bersih @ 31.07.99 RM'000 |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Tomisho | C.T. 20877, Lot 6069<br>Mukim Kapar<br>Daerah Klang | Pegangan kekal | 3 | Tanah, pejabat, gudang dan kilang | 217,800 / 148,489 | 22,535 |
| Tomisho | Lot CS-10<br>Tingkat 10, Menara Summit<br>Persiaran Kewajipan USJ1<br>47600 Subang Jaya | Hak Milik Strata (Pegangan kekal) | 1 | Kegunaan pejabat | - / 13,923 | 5,317 |
| Apota | Lot S2.140B<br>The Summit Shopping Complex<br>Persiaran Kewajipan USJ1<br>47600 Subang Jaya | Hak Milik Strata (Pegangan Kekal) | 1 | Bilik pameran dan pejabat | - / 36,361 | 17,758 |
| SY | Lot 971, Mukim Semenyih<br>Jalan Sungai Lalang<br>43500 Semenyih | Pegangan kekal | 4 | Tanah, kilang, gudang & pejabat | 413,800 / 235,225 | 2,617 |
| SY | Lot 1224, Mukim Semenyih<br>Jalan Sungai Lalang<br>43500 Semenyih | Pegangan kekal | 4 | Tanah & Kilang | 123,375 / 93,915 | 2,061 |
| SY | Lot 1338, Mukim Semenyih<br>Jalan Sungai Lalang<br>43500 Semenyih | Pegangan kekal | 7 | Tanah & Kilang | 88,070 / 33,713 | 1,548 |
| | | | | | | 51,836 |

## 9.8 TINJAUAN KESELURUHAN PERNIAGAAN DAN PROSPEK BAGI KUMPULAN

### 9.8.1 Perkilangan

Tiga syarikat perkilangan Kumpulan THB ialah seperti berikut:-

(i) **Tomisho** bergiat dalam mereka bentuk, mengilang dan mengeksport keluaran kayu getah sejak 1991. Keluaran-keluaran ini termasuk katil, meja, kerusi, set bilik makan, set bilik tidur, serta komponen dan aksesori perabot yang lain.

(ii) **ASWP** bermatlamat untuk menggunakan teknologi baru dan sistem perkilangan moden yang diperoleh dari Taiwan untuk menghasilkan keluaran bod kayu, komponen-komponen dan bahagian-bahagian venir kayu berteknologi tinggi. Bod kayu MRIM mempunyai beberapa kelebihan. Pertama, pengeluaran MRIM pada asasnya merupakan proses kitar semula bahan sisa kerana bahan mentah asas yang digunakan untuk mengilang bod kayu MRIM ialah serpai kayu, habuk gergaji, bongkah kayu kecil dan bahan-bahan sisa daripada pengeluaran perabot. Kedua, teknologi MRIM menawarkan perbelanjaan pengendalian dan permulaan yang lebih rendah dan keperluan pelaburan yang lebih rendah untuk jumlah pengeluaran yang ditetapkan berbanding teknologi keluaran berasaskan kayu yang lain. Ketiga, keluaran bod kayu MRIM lebih keras, lebih kukuh, mempunyai ciri-ciri tahan panas yang lebih baik dan kos penyenggaraan yang lebih rendah berbanding MDF atau keluaran bod zarah. Selain kaedah pengeluarannya yang lebih mudah, satu lagi ciri yang unik dan kelebihan nyata yang dimiliki oleh keluaran bod kayu bervenir MRIM berbanding keluaran venir konvensional ialah tepi-tepinya ditutupi sepenuhnya oleh venir, menjadikannya kelihatan hampir sama dengan perabot kayu keras asli.

(iii) **SY** bergiat terutamanya dalam memproses kayu getah mentah, perdagangan kayu getah terawat, mengilang dan mengeksport set bilik makan standard. THB mengambil alih SY terutamanya untuk memastikan bekalan bahan mentah kayu getah yang berterusan dan tidak terputus.

Keluaran bahagian perkilangan THB termasuk bahagian-bahagian dan komponen-komponen (sambungan jejari, tiang berukir, kerusi dan bangku bar, tiang katil, selusur tangan dan tiang) meja makan dan kerusi, set "Breakfast Island", barangan perabot sampingan (bangku bar, almari, meja sisi, meja ruang depan dan rak majalah), katil dan perabot bilik tidur (meja solek, almari berlaci, almari pakaian berlaci, bingkai cermin dan meja sisi) serta perabot ruang tamu (meja hujung dan meja kopi).

### 9.8.2 Runcit

THB menggunakan strategi menyeluruh dengan penjenamaan yang berlainan untuk mewakili pelbagai segmen pasaran bagi memenuhi pelbagai citarasa, keutamaan dan harga. THB telah membahagi-bahagikan kedai-kedai runcit tempatannya untuk memberi perkhidmatan yang meluas dalam pelbagai peringkat pasaran peruncitan perabot tempatan.

(i) **Apota**, sebagai peruncit tempatan bagi perabot dan keluaran gaya hidup, menekankan promosi perabot kayu getah buatan kilang yang berkualiti tinggi dan mempunyai reka bentuk yang cantik. Kakitangan yang terlatih melengkapi integriti keluaran dengan berusaha untuk memberikan tingkat kepuasan pelanggan yang tinggi, pada umumnya mensasarkan para pelanggan kelas atasan. Apota berhasrat untuk membina jenama "*Apota Designs*" yang dihasilkan di negara sendiri dan bermatlamat untuk memfrancais kedai konsep runcit di peringkat tempatan dan mengeksport formula runcitnya yang berjaya.

(ii) **FD** telah ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pelanggan yang mencari perabot buatan tempatan, tunai dan bawa, keluaran dan aksesori yang sedia untuk dipasang (RTA) yang berkos rendah dan bernilai baik. Keluaran FD berbaloi dengan harga dan kualitinya sentiasa dijaga. Konsep runcit FD sama dengan konsep pasar raya besar dan kedai-kedai besar, dengan penekanan pada margin yang kecil, jumlah yang besar dan ekonomi bidangan. Kedai FD pada masa ini terletak di The Summit, USJ dan rancangan telah dibuat untuk membuka lebih banyak kedai FD pada masa depan.

(iii) **LC** lebih memberi tumpuan kepada kumpulan pelanggan terpilih yang mempunyai citarasa estetik terhadap perabot, aksesori dan hiasan yang eksklusif. LC menjual perabot mewah import secara runcit dan ia merupakan pengedar eksklusif sofa kulit Natuzzi dari Itali, serta tilam dan *divan* Sealy dari Amerika Syarikat, iaitu jenama yang paling laris jualannya di Amerika Syarikat.

Dua buah kedai runcit Kumpulan THB merupakan pusat perabot dan hiasan rumah sehenti yang luasnya 36,000 kaki persegi di The Summit, USJ yang memuatkan Apota, LC dan FD, dan kedai LC di Bandar Utama. THB juga melaksanakan strategi pemasaran seperti pengiklanan, rencana ulasan, *road show*, dan program mel terus untuk 10,000 ahli Kad Apotanya.

### 9.8.3 Kontrak Pengubahsuaian dan Projek Melengkapi Perabot

AF menjalankan projek melengkapi perabot dan kontrak pengubahsuaian untuk hotel, asrama, pusat peranginan dan harta-harta kediaman di pasaran dalam dan luar negara. Selaras dengan strategi THB untuk berintegrasi lebih jauh lagi dalam kegiatan hiliran dan memberikan perkhidmatan nilai ditambah kepada pelanggan, AF mempergunakan kemantapan kegiatan perkilangan dan peruncitan Kumpulan untuk menawarkan pakej melengkapi perabot alternatif untuk kondominium dan pangsapuri. Sebagai sampingan daripada kegiatan THB yang sedia ada, perniagaan kontrak pengubahsuaian dan projek melengkapi perabot merupakan perkhidmatan nilai ditambah kepada para pelanggan yang mahu melengkapi hotel, pusat peranginan dan kediaman dengan perabot. Para pelanggan yang sedia ada untuk perkhidmatan ini terdiri daripada pemaju harta dan pemilik hotel, pusat peranginan serta pemilik-pemilik rumah, di dalam dan di luar negara.

### 9.8.4 Pasaran Eksport

Pemulihan ekonomi di negara-negara pengimport perabot utama pada tahun-tahun kebelakangan ini berserta dengan para pengguna di pasaran-pasaran ini yang amat menggemari perabot kayu getah keras yang lulus persijilan ekolabel akan memastikan permintaan yang berterusan bagi perabot kayu getah. Kajian oleh Bangsa-Bangsa Bersatu menunjukkan bahawa pasaran sejagat benar bagi perabot akan mencecah AS$29 bilion pada tahun 2000 daripada AS$25 bilion sekarang ini.

Dalam hal ini, THB berada pada kedudukan yang baik untuk menembusi pasaran perabot yang semakin berkembang memandangkan faktor-faktor berikut:-

(i) Melalui penyertaan THB dalam pesta perdagangan perabot antarabangsa, membangkitkan dan mengekalkan kesedaran pengguna yang tinggi bagi keluaran perabotnya, meningkatkan lagi reputasi THB; dan

(ii) Usaha THB yang berterusan untuk menjalinkan hubungan perniagaan di negara-negara lain melalui penubuhan pejabat pemasaran di UK, China dan Australia. THB juga merancang untuk mengendalikan pejabat yang sama di Perancis, Jerman, Itali dan Timur Tengah.

Menurut Menteri Perusahaan Utama, permintaan eksport bagi perabot Malaysia telah meningkat daripada RM30 juta pada tahun 1985 kepada hampir RM5 bilion pada tahun 1999. Menteri Perusahaan Utama mengatakan bahawa sasaran ialah agar nilai ekport perabot mencecah RM7 bilion pada tahun 2005. Sebanyak 80% daripada eksport ini terdiri daripada perabot kayu getah.

Sejak memulakan jualan eksport pada tahun 1991, pasaran Kumpulan THB yang paling penting ialah Amerika Syarikat, yang pada tahun 1994 merupakan kira-kira 90% daripada jumlah jualan. Sejak itu, strategi pemasaran Kumpulan telah membolehkan keluarannya menembusi pasaran lain seperti Kanada, Asia (Jepun, Korea, Singapura, China, Hong Kong, Taiwan, Filipina, Thailand), Eropah (UK, Ireland, Perancis, Jerman, Sweden), Timur Tengah (Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Bahrain, Jordan, Kuwait) dan lain-lain (Australia, New Zealand, Mexico).

THB menggunakan strategi pemasaran eksport yang fleksibel dengan menjual keluarannya kepada pengimport, pengedar, pengilang, pemborong dan peruncit. Objektif utama THB sedari dulu ialah untuk lebih dekat kepada pelanggan. Ini membolehkan THB lebih mengetahui tentang trend terbaru, maklumat dan persekitaran pasaran, dengan itu membolehkannya menyesuaikan diri dengan persekitaran yang berubah-ubah dengan lebih cepat. Penubuhan TS (UK) bagi pasaran Kumpulan di Eropah telah berjaya. Selain UK, Kumpulan THB juga mempunyai pejabat pemasaran di China dan Australia. Oleh sebab matlamat utama THB ialah untuk memasarkan dan mengeksport keluaran-keluaran Perkilangan Reka Bentuk Asal (ODM) dan Perkilangan Jenama Asal (OBM) ke seluruh dunia, maka pejabat pemasaran yang sama akan dibuka di Jerman, Perancis, Itali dan Timur Tengah.

### 9.8.5 Penyelidikan dan Pembangunan

Usaha-usaha Jabatan R&D THB bermatlamat untuk memperbaikkan proses perkilangannya serta mencipta keluaran dan reka bentuk keluaran yang baru. Selain meningkatkan kecekapan proses-proses dalaman, THB boleh memenuhi kehendak-kehendak pelanggan dan dengan itu sentiasa mendahului para pesaingnya. THB bergantung kepada Jabatan R&Dnya bagi kejayaan prestasi eksportnya dengan menawarkan strategi pembezaan keluaran dan perkhidmatan nilai ditambah. Ini menghasilkan margin keuntungan yang lebih baik dan memupuk kesetiaan jangka panjang pelanggan. Jabatan R&D THB diawasi dengan rapi oleh Pengarah Urusannya dan diketuai oleh personel yang berpengalaman dalam mereka bentuk dan mengilang keluaran perabot.

Dalam THB, inovasi dan reka bentuk keluaran dijalankan melalui program pembangunan menyeluruh yang terdiri daripada R&D konsep, lukisan konsep, lukisan saiz penuh/lukisan kerja, membuat prototaip, penghasilan trend warna, pembungkusan, pengkatalogan dan persembahan. Proses utama R&D konsep yang memperkenalkan reka bentuk keluaran inovatif yang baru adalah berpandukan faktor-faktor dan keutamaan-keutamaan berikut:-

(a) Keutamaan pelanggan dan trend pasaran;

(b) Kedayamajuan komersil dan pengeluaran;

(c) Strategi pemasaran THB (seperti penekanan pada keluaran yang mempunyai kitar hayat yang lebih lama dan tidak mudah disaingi oleh para pesaing dan pada keluaran yang mempunyai margin keuntungan yang lebih tinggi); dan

(d) Mempergunakan kekuatan perkilangan THB, seperti proses pengilangan bod kayu MRIM berpaten, Mesin Raut CNC, kelengkapan kemasan automatik moden serta reka bentuk keluaran yang memaksimumkan penggunaan kilang dan mesin.

Faedah yang diperoleh oleh THB selama ini daripada usaha R&Dnya ialah:-

(a) Kemunculan jenama seperti "*Tomisho Collection*", "*All Star Collection*" dan "*Apota Design*", yang menyumbang kepada kesetiaan pelanggan serta premium dan margin yang lebih tinggi;

(b) Pengeluaran keluaran berkualiti tinggi pada harga yang berdaya saing;

(c) Rangkaian keluaran yang lebih banyak jenisnya yang membolehkan THB memasarkan dan mengeksport perkhidmatan kontena campuran terus kepada para peruncit luar negara yang lebih kecil untuk margin keuntungan yang lebih tinggi; dan

(d) Keluaran perabot yang mempunyai reka bentuk yang unik, dengan itu mengelakkan persaingan sengit berdasarkan faktor harga.

Melalui usaha-usaha jabatan R&D, THB telah menambahbaikkan teknik dan teknologi pengeluarannya, menyebabkan kualiti proses dan keluarannya lebih tinggi dan kos pengeluaran yang lebih rendah. Ciri-ciri usaha THB adalah seperti berikut:-

(a) THB telah berjaya memperoleh teknik-teknik perkilangan MRIM berpaten yang boleh menurunkan kos pengeluaran dengan menggunakan habuk gergaji dan kayu yang dibuang sebagai bahan mentah;

(b) Pelaburan dalam kelengkapan kemasan automatik yang moden untuk menjimatkan kos cat, mengurangkan kos buruh dan meningkatkan ketekalan keluaran siap;

(c) Pelaburan dalam Mesin Raut CNC berkomputer untuk membekalkan perkhidmatan pelanggan nilai ditambah dengan menawarkan potongan rentas yang tepat dan ukiran mesin; dan

(d) Kejayaan persijilan ISO 9002, meningkatkan produk dan imej korporat THB.

Usaha-usaha Jabatan R&D THB membolehkan THB sentiasa menawarkan keluaran baru kepada pelanggannya untuk diperkenalkan dalam pasaran mereka masing-masing, dengan itu mengurangkan tekanan bersaingan berdasarkan faktor harga. Dengan keupayaannya bertindak berdasarkan pemahamannya mengenai keutamaan pelanggan dan kebersaingan pasaran, THB boleh menjuruskan sumber-sumbernya ke arah memenuhi kehendak pelanggan. THB telah melabur kira-kira RM800,000 dalam R&D pada kedua-dua tahun 1998 dan 1999, dan kini mempunyai 7 orang kakitangan di Jabatan R&Dnya.

### 9.8.6 Rancangan Masa Depan

Untuk mewujudkan kelebihan bersaingan jangka panjang yang berkekalan, THB akan terus memberi tumpuan dan bergantung kepada 3 unsur utama, iaitu teknologi, jenama dan kecemerlangan pengurusan. Kumpulan THB telah menetapkan beberapa objektif yang akan dicapai pada masa depan.

**Jangka Pendek**

Dalam jangka pendek, THB berhasrat untuk merebut peluang daripada kejatuhan nilai ringgit untuk mengeksport perabot buatan kilang, bahagian-bahagian dan komponen-komponen perabot THB terutamanya ke pasaran bukan tradisional yang mempunyai potensi yang baik, misalnya China, India, Rusia dan EropahTimur. THB juga berhasrat untuk menubuhkan rangkaian sejagat (melalui pejabat pemasaran dan ejen-ejen jualan) untuk beroperasi berhampiran dengan pasaran untuk memberikan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan dan meningkatkan keyakinan pelanggan. Melalui anak syarikatnya, Tomisho, THB sudah pun membuka pejabatnya di UK, China dan Australia, dan kini berusaha pula untuk membuka pejabatnya di Jerman, Perancis, Itali dan Timur Tengah.

## 9. MAKLUMAT MENGENAI KUMPULAN THB *(Samb)*

THB bercadang untuk memberi tumpuan kepada kekuatannya dalam teknologi perkilangan berpaten, reka bentuk berpaten dan memasarkan perabot rekaan uniknya melalui rangkaian sejagat untuk menjanakan jumlah jualan yang besar bagi meningkatkan produktivitinya. Perolehan daripada penyenaraiannya akan digunakan untuk melabur dan mempertingkatkan kilang dan kelengkapan dengan teknologi komputer yang terbaru untuk mengautomasikan lagi proses perkilangan dan mengurangkan pergantungannya kepada buruh. Untuk menyingkirkan peranan orang tengah dan mendapat margin keuntungan yang lebih baik, THB merancang untuk mempunyai muatan gudang yang lebih besar bagi menyimpan barangan standard yang dikeluarkannya. Ini akan membolehkan THB membekalkan perkhidmatan kontena campuran terus kepada para peruncit luar negara yang lebih kecil dengan notis yang lebih singkat. Selain itu, THB akan terus berusaha untuk meningkatkan jualan di pasaran dalam negeri melalui promosi "*Apota Design*" sebagai jenama mantap yang dihasilkan di negara sendiri yang mengkhusus dalam perabot kayu keras berkualiti tinggi dan bereka bentuk. Ia kini sedang mengkaji kemungkinan untuk memfrancaiskan konsep *runcit "Apota Design*"nya, dan kedai konsep runcit LC.

**Jangka Pertengahan dan Jangka Panjang**

(a) Perkilangan

ASWP sedang mengadakan rundingan dengan pemilik teknologi berpaten untuk mengeluarkan bod kayu MRIM bagi memasarkan teknologi tersebut melalui pengaturan usahasama atau pelesenan terutama ke luar negara, dengan pasaran sasaran permulaan China dan India. Selain itu, THB juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memperluaskan operasi perkilangannya yang sedia ada ke luar negara, iaitu China, India, Vietnam, Indonesia dan Myanmar.

(b) Pemasaran Luar Negara

Selaras dengan strategi Syarikat untuk mewujudkan rangkaian sejagat, THB berhasrat untuk menubukan lebih banyak pejabat pemasaran di luar negara terutama di negara-negara yang mempunyai potensi eksport yang tinggi, seperti India, Rusia, negara-negara Eropah Timur, Turki dan pasaran-pasaran bukan tradisional yang lain.

(c) Peruncitan

THB sedang meneliti idea untuk mengeksport dan memfrancais konsep runcitnya yang berjaya, iaitu "*Apota Design*" ke negara-negara jiran.

## 10. MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

### 10.1 REKOD KEUNTUNGAN DAN DIVIDEN

Jadual yang berikut menunjukkan ringkasan proforma keputusan kewangan disatukan Kumpulan THB bagi dua (2) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1996, kewangan disatukan teraudit bagi Kumpulan THB bagi tempoh kewangan berakhir 31 Julai 1996 dan untuk tiga (3) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999. Jadual ini disediakan untuk tujuan gambaran sahaja dan harus dibaca bersama-sama dengan nota-nota dan andaian-andaian yang disertakan bersama yang dimasukkan dalam Laporan Akaunta yang diberikan dalam Seksyen 11 Prospektus ini.

| | ←-----Proforma-→ <---Tahun kewangan berakhir 31 Julai---> | | ←---Teraudit--- | ←---Tahun kewangan berakhir 31 Julai---→ | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1995 | 1996 | 20.10.1995 to 31.7.1996 | 1997 | 1998 | 1999 |
| | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Jumlah dagangan | 36,798 | 57,132 | 14,872 | 76,129 | 105,844 | 131,137 |
| Keuntungan sebelum perkara terkecuali | 4,380 | 9,628 | 4,001 | 13,540 | 18,357 | 28,535 |
| Susutnilai | (643) | (1,142) | (315) | (2,739) | (3,975) | (7,420) |
| Perbelanjaan faedah | (744) | (1,390) | (411) | (3,024) | (2,948) | (6,664) |
| Pendapatan faedah | - | - | 57 | 230 | 337 | 307 |
| Perkara terkecuali | - | - | | - | - | (1,378) |
| Keuntungan sebelum cukai | 2,993 | 7,096 | 3,332 | 8,007 | 11,771 | 13,380 |
| Cukai | (1,059) | (2,320) | (778) | (1,556) | (4,044) | (2,061) |
| Keuntungan selepas cukai tetapi sebelum kepentingan minoriti | 1,943 | 4,776 | 2,554 | 6,451 | 7,727 | 11,319 |
| Kepentingan minoriti | (68) | (511) | - | - | - | (1,125) |
| Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti | 1,866 | 4,265 | 2,554 | 6,451 | 7,727 | 10,194 |
| Modal saham diterbitkan dan berbayar ('000) | - | 12,000 | 12,000 | 22,000 | 34,000 | 34,000 |
| Proforma/Purata wajaran bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan ('000) | 12,000 | 12,000 | 12,000 | 20,733 | 30,055 | 34,000 |
| EPS kasar (sen) | 24.4 | 54.9 | 27.8 | 38.6 | 39.2 | 36.0 |
| EPS bersih (sen) | 15.6 | 35.5 | 21.3 | 31.1 | 25.7 | 29.9 |

**Nota:-**

1. *Peningkatan keuntungan sebelum cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1996 disebabkan oleh prestasi meningkat Tomisho dan SY.*
2. *Peningkatan yang besar dalam jumlah dagangan dan keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1997 dan 1998 boleh dikaitkan terutamanya kepada peningkatan jualan eksport Tomisho.*
3. *Peningkatan dalam jumlah dagangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 disebabkan terutamanya oleh pengambilalihan SY pada tahun tersebut, yang menyumbangkan jumlah dagangan kira-kira RM11 juta dan keuntungan selepas cukai kira-kira RM1.2 juta.*
4. *Peningkatan keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 disebabkan oleh tahun 1999 merupakan tahun pengecualian cukai serta keuntungan tambahan yang disumbangkan oleh SY yang telah diambil alih oleh Tomisho pada tahun tersebut.*
5. *Perkara terkecuali bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 berkaitan dengan penghapusan kira aset yang musnah dalam kebakaran di Tomisho pada tahun tersebut.*

## 10. MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

6. *Tiada perkara luar biasa dalam mana-mana tahun kewangan di bawah kajian.*

7. *Keuntungan kasar sesaham telah dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan selepas kepentingan minoriti dibahagi dengan proforma atau purata wajaran bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham diterbitkan pada tahun berkenaan. Pendapatan bersih sesaham telah dikira dengan cara yang sama berdasarkan keuntungan selepas cukai dan selepas kepentingan minoriti*

Anak-anak syarikat THB berikut telah dibeli/ditubuhkan pada tahun/ tempoh kewangan berakhir :

| **Anak-anak syarikat** | **Tahun/ Tempoh berakhir** |
|---|---|
| Tomisho, Apota, PCC, ASWP, AF, TP | 31 Julai 1996 |
| LC | 31 Julai 1997 |
| TW, TS (UK), FD | 31 Julai 1998 |
| SY | 31 Julai 1999 |

| **Syarikat** | **Tempoh 9 bulan berakhir 31 July 1996 RM'000** | **←-------Tahun kewangan berakhir 31 July-----→ 1997 RM'000** | **1998 RM'000** | **1999 RM'000** |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah dagangan | - | 1,296 | 7,370 | 4,400 |
| Keuntungan sebelum cukai | - | 1,291 | 6,954 | 3,720 |
| Cukai | - | (362) | (1,705) | - |
| Keuntungan selepas cukai | - | 929 | 5,249 | 3,720 |
| Modal saham diterbitkan dan berbayar ('000) | 12,000 | 22,000 | 34,000 | 34,000 |
| Purata wajaran bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan ('000) | 4,600 | 20,733 | 30,055 | 34,000 |
| EPS bersih (sen) | - | 4.5 | 17.5 | 10.9 |
| Peratusan dividen kasar | | - | 13%* | 10%^ |

* Mengandungi 10%dividen sementara dicukai pada 28% dan 3% pengecualian cukai untuk dividen terakhir.

^ Cukai dikecuali.

Notes:-

1. *THB telah memulakan operasinya pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 1997. Jumlah dagangan mewakili pendapatan dividen dan yuran pengurusan daripada anak-anak syarikat.*

2. *Peningkatan dalam jumlah dagangan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai untuk tahun berakhir 31 Julai 1998 adalah disebabkan peningkatan pendapatan dividen diterima daripada anak-anak syarikat THB.*

3. *Penurunan dalam jumlah dagangan, keuntungan sebelum cukai dan keuntungan selepas cukai untuk tahun berakhir 31 Julai 1998 adalah disebabkan penurunan pendapatan dividen diterima daripada anak-anak syarikat THB.*

4. *Kadar cukai berkesan bagi tahun 1998 adalah lebih daripada kadar berkanun memandangkan sebahagian pendapatan adalah dikecualikan daripada cukai. Tiada cukai dikenakan pada tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 kerana tahun itu adalah dikecualikan daripada cukai.*

5. *Tiada perkara luarbiasa dalam mana-mana tahun kewangan dibawah kajian..*

## 10.2 MODAL KERJA, PINJAMAN, LIABILITI KONTIGEN DAN KOMITMEN MODAL

### (i) Modal Kerja

Para Pengarah berpendapat bahawa, selepas mengambil kira ramalan dan unjuran aliran tunai dan kemudahan perbankan yang tersedia, Kumpulan akan mempunyai modal kerja yang mencukupi bagi keperluan masa depannya yang boleh dijangkakan.

### (ii) Pinjaman

Pada 15 Januari 2000 (merupakan tarikh terakhir yang munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), jumlah pinjaman dan overdraf Kumpulan THB berjumlah lebih kurang RM60.1 juta.

Kecuali sebagaimana dinyatakan di atas, Kumpulan THB tidak mempunyai pinjaman modal belum dijelas atau dibentuk tetapi tidak diterbitkan, gadai janji atau gadaian belum dijelas pada 15 Januari 2000.

### (iii) Liabiliti Kontegen

Pada 15 Januari 2000 (merupakan tarikh terakhir yang munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), Kumpulan THB tidak mempunyai apa-apa liabiliti kontigen material.

### (iv) Komitmen Modal

Pada 15 Januari 2000 (merupakan tarikh terakhir yang munasabah pada mana jumlah tersebut boleh dikira sebelum Prospektus ini dicetak), Kumpulan THB mempunyai komitmen modal berjumlah lebih kurang RM0.9 juta untuk pembelian alat tukangan kayu dan mesin beracuan.

## 10.3 SURAT AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI RAMALAN KEUNTUNGAN DISATUKAN

*(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)*

KPMG
Wisma KPMG
Jalan Dungun, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.

20 Januari 2000

Lembaga Pengarah
Tomisho Holdings Berhad,
Lot 6069, Jalan Haji Abdul Manan
41050 Klang
Selangor Darul Ehsan

Tuan

Kami telah mengkaji polisi perakaunan dan pengiraan bagi ramalan keuntungan disatukan selepas cukai Tomisho Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya, untuk yang mana para Pengarah bertanggungjawab sepenuhnya, bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Julai 2000 sebagaimana dibentangkan dalam Prospektus yang akan bertarikh 28 Januari 2000.

Pada pendapat kami, ramalan keuntungan disatukan selepas cukai, telah disusun dengan teratur berasaskan andaian yang dibuat oleh para Pengarah sebagaimana dibentangkan dalam Prospektus dan disediakan atas dasar yang seimbang dengan polisi perakaunan yang biasa diamalkan oleh Tomisho Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya.

Yang benar

**KPMG**
Nombor Firma: AF0758
Akauntan Awam

**Hew Lee Lam Sang**
Rakan Firma
Nombor Kebenaran : 1862/10/01(J)

## 10. MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

### 10.4 RAMALAN KEUNTUNGAN DISATUKAN

Para Pengarah THB meramalkan bahawa, dalam ketiadaan keadaan di luar jangkaan, keputusan Kumpulan THB bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Julai 2000 sebelum dan selepas terbitan awam adalah seperti berikut:-

| **Tahun berakhir** | **31 Julai 2000**<br>**RM'000** |
|---|---|
| Keuntungan selepas cukai | |
| Sebelum terbitan awam | 12,271 |
| Selepas terbitan awam | 12,391 |

Asas-asas dan andaian-andaian utama yang mendasari ke atas mana ramalan keuntungan telah disediakan dibentangkan di bawah:-

1. Tidak akan ada perubahan material dalam perundangan semasa atau peraturan kerajaan termasuk cukai dan duti langsung atau tak langsung, menjejaskan kegiatan Kumpulan dan pasaran dalam mana Kumpulan beroperasi.
2. Tidak akan ada perubahan ketara dalam keadaan politik, ekonomi dan pasaran yang lazim di Malaysia dan tempat lain yang akan menjejaskan kegiatan atau prestasi Kumpulan.
3. Tidak akan ada perubahan ketara dalam kegiatan utama, komposisi dan struktur semasa Kumpulan.
4. Tidak akan ada perubahan ketara dalam polisi perakaunan dan pengurusan yang diamalkan oleh Kumpulan pada masa ini.
5. Tidak akan ada kerosakan atau gangguan besar dalam kemudahan pengeluaran, pertikaian perindustrian atau lain-lain faktor luar biasa yang menjejaskan operasi Kumpulan.
6. Tidak akan ada perubahan besar dalam personel penting sedia ada dan polisi pengurusan dan perdagangan.
7. Tidak akan ada perubahan ketara dalam bekalan dan harga bahan mentah dan buruh.
8. Kemudahan kewangan sedia ada yang dinikmati oleh Kumpulan kekal tidak berubah.
9. Mata wang asing tidak akan turun naik secara material dari tahap semasa.
10. Kadar inflasi dan faedah tidak akan berubah secara material dari tahap semasa.
11. Rancangan perbelanjaan modal Kumpulan adalah selaras dengan belanjawan dan diguna seperti dijadualkan
12. Pengenalan keluaran baru akan mendapat penerimaan pasaran dan mencapai ramalan dan unjuran jualan.
13. Perolehan daripada terbitan awam dianggap diterima selewat-lewatnya dalam bulan Februari 2000.

## 10. MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

### 10.5 RAMALAN DIVIDEN

THB berhasrat untuk meneruskan dasar dividen selaras dengan keberuntungannya yang akan membenarkan pemegang-pemegang saham untuk menyertai dalam keuntungan Kumpulan serta mengekalkan rizab yang mencukupi bagi pertumbuhan dan perkembangan masa hadapan.

Berdasarkan ramalan keuntungan disatukan selepas kepentingan minoriti dan perkara luar biasa, dan andaian bahawa asas semasa bagi pengiraan cukai dan kadar cukai akan kekal tidak berubah, para Pengarah Kumpulan THB berpendapat bahawa Syarikat akan berkeupayaan untuk mencadangkan dividen bersih sebanyak 5.0% berdasarkan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan sebanyak 40,150,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham, bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Julai 2000.

Cadangan pengasingan ramalan keuntungan disatukan selepas cukai bagi tahun kewangan akan berakhir 31 Julai 2000 adalah seperti berikut:-

| | **RM'000** |
|---|---|
| Keuntungan disatukan sebelum cukai tetapi selepas kepentingan minoriti | 17,108 |
| Keuntungan boleh diagih kepada pemegang saham | 12,391 |
| Tolak : Cadangan Dividen sebanyak 5.0% (dikecualikan cukai) | (2,008) |
| Keuntungan tertahan | 10,383 |
| Dividen dikecualikan cukai setiap saham (sen) | 5.0 |
| Kadar hasil dividen (%)* | 2.5 |
| Lindungan dividen bersih (kali)** | 6.17 |

* *Berdasarkan harga terbitan RM2.00 setiap saham dan dividen prospektif dikecualikan cukai setiap saham sebanyak 5.0%*

** *Berdasarkan dividen bersih prospektif sebanyak 5.0% yang akan diisytiharkan oleh Syarikat bagi tahun akan berakhir 31 Julai 2000.*

## 10.6 SURAT AKAUNTAN MELAPOR MENGENAI PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN

*(Disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus ini)*

KPMG,
Wisma KPMG,
Jalan Dungun, Damansara Heights,
50490 Kuala Lumpur.

20 Januari 2000

Lembaga Pengarah
Tomisho Holdings Berhad,
Lot 6069, Jalan Haji Abdul Manan
41050 Klang
Selangor Darul Ehsan

Tuan

**PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN PADA 31 JULAI 1999**

Kami telah mengkaji penyediaan proforma kunci kira-kira disatukan Tomisho Holdings Bhd pada 31 Julai 1999 bersama dengan nota-nota mengiringinya, disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus yang akan bertarikh 28 Januari 2000 berhubung dengan Terbitan Awam 6,150,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Harga Terbitan RM 2.00 setiap saham biasa.

Pada pendapat kami, proforma kunci kira-kira disatukan bersama dengan nota-nota mengiringinya telah disediakan berdasarkan prinsip-prinsip dan asas-asas perakaunan yang seimbang dengan yang biasa diamalkan oleh Tomisho Holdings Berhad dan anak-anak syarikatnya dan disediakan dalam bentuk yang sesuai untuk kemasukan dalam Prospektus tersebut.

Yang benar

**KPMG**
Nombor Firma: AF0758
Akauntan Awam

**Hew Lee Lam Sang**
Rakan Firma
Nombor Kebenaran : 1862/10/01(J)

## 10. MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)*

### 10.7 PROFORMA KUNCI KIRA-KIRA DISATUKAN

Proforma kunci kira-kira disatukan Kumpulan THB sebagaimana dibentangkan di bawah, disediakan untuk tujuan gambaran sahaja untuk menunjukkan kesan cadangan skim pengapungan yang telah selesai dilaksanakan pada tarikh tersebut.

| | **Teraudit pada 31 Julai 1999 RM'000** | **Selepas Terbitan Awam RM'000** |
|---|---|---|
| ASET TETAP | 109,622 | 109,622 |
| MUHIBAH ATAS PENYATUAN | 11,437 | 11,437 |
| PERBELANJAAN DIHANTAR KE HADAPAN | 115 | 115 |
| ASET SEMASA | | |
| Stok | 24,223 | 24,223 |
| Penghutang perdagangan | 25,475 | 25,475 |
| Lain-lain penghutang dan bayaran terdahulu | 6,159 | 6,159 |
| Deposit tetap dengan bank berlesen | 3,320 | 3,320 |
| Tunai dan baki bank | 2,490 | 13,590 |
| | 61,667 | 72,767 |
| TOLAK: LIABILITI SEMASA | | |
| Pemiutang perdagangan | 15,387 | 15,387 |
| Lain-lain pemiutang dan akruan | 8,498 | 8,498 |
| Jumlah teraku kepada pengarah | 268 | 268 |
| Pemiutang sewa beli dan akruan | 3,640 | 3,640 |
| Pinjaman jangka pendek | 40,854 | 40,854 |
| Peruntukan bagi cukai | 4,025 | 4,025 |
| | 72,672 | 72,672 |
| ASET/(LIABILITI) SEMASA BERSIH: | (11,005) | 95 |
| | **110,169** | **121,269** |
| DIBIAYAI OLEH: | | |
| MODAL SAHAM | 34,000 | 40,150 |
| PREMIUM SAHAM | 11,400 | 16,350 |
| KEUNTUNGAN TAK DIAGIH | 20,058 | 20,058 |
| DANA PEMEGANG SAHAM | 65,458 | 76,558 |
| LIABILITI JANGKA PANJANG DAN TERTUNDA | | |
| Pendahuluan daripada pemegang saham | 6,350 | 6,350 |
| Pemiutang sewa beli dan pajakan | 1,192 | 1,192 |
| Pinjaman berjangka | 21,654 | 21,654 |
| Cukai tertunda | 4,985 | 4,985 |
| Kepentingan minoriti | 10,530 | 10,530 |
| | **110,169** | **121,269** |
| NTA (RM'000) | 53,906 | 65,006 |
| NTA setiap saham (RM) | 1.59 | 1.62 |

**10. MAKLUMAT KEWANGAN *(Samb)***

**Nota kepada Proforma Kunci Kira-kira**

1. Proforma kunci kira-kira Kumpulan telah disediakan untuk tujuan gambaran sahaja dan disediakan atas dasar-dasar dan prinsip-prinsip perakaunan dan seimbang dengan yang biasa diamalkan dalam penyediaan penyata kewangan Kumpulan. Proforma kunci kira-kira Kumpulan berdasarkan akaun teraudit Kumpulan THB pada 31 Julai 1999 atas andaian bahawa terbitan awam 6,150,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham dalam THB pada harga terbitan RM2.00 setiap saham dan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan pada Papan Utama BSKL telah mengambil tempat.

2. Proforma kunci kira-kira Kumpulan telah megambilkira pengubahsuaian berikut:-

   (i) Terbitan awam 6,150,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga terbitan RM2.00 untuk setiap saham bernilai RM1.00 sesaham.

   (ii) Anggaran perbelanjaan penyenaraian yang akan ditanggung oleh Syarikat sebanyak RM1,200,000 akan dicajkan terhadap akaun premium saham.

## 11. LAPORAN AKAUNTAN

Lembaga Pengarah
Tomisho Holdings Berhad
Lot 6069, Jalan Haji Abd. Manan
Off Jalan Meru
41050 Klang
Selangor Darul Ehsan
Malaysia

20 Januari 2000

Tuan,

**Tomisho Holdings Berhad**
**Laporan Akauntan**

Laporan ini telah disediakan untuk kemasukan dalam Prospektus yang akan bertarikh 28 Januari 2000 berhubung dengan Terbitan Awam 6,150,000 saham biasa baru bernilai RM1.00 sesaham pada harga RM2.00 setiap saham biasa dalam Tomisho Holdings Berhad (selepas ini dirujuk sebagai "THB" atau "Syarikat), dan penyenaraian dan sebut harga bagi keseluruhan modal saham THB yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur ("BSKL").

### 1. MAKLUMAT AM

### 1.1 Latar Belakang

1.1.1 Syarikat telah diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965 pada 20 Oktober 1995 sebagai sebuah syarikat sendirian berhad di bawah nama Exclusive Symbol Sdn Bhd. Pada 2 Februari 1996, ia dinamakan semula sebagai Tomisho Holding Sdn Bhd dan pada 27 November 1996 ia dinamakan semula sebagai Tomisho Holdings Sdn Bhd ("THSB"). Pada 16 Disember 1997, THSB menukar statusnya kepada syarikat awam berhad dan mengguna nama semasanya, THB.

1.1.2 Kegiatan utama Syarikat ialah pemegangan pelaburan. Kegiatan utama anak-anak syarikat diterangkan dalam 1.4 di bawah. Kegiatan utama Syarikat dan anak-anak syarikat kekal tidak berubah.

### 1.2 Perubahan dalam Modal Saham

1.2.1 Pada tarikh pemerbadanan, modal saham THB yang dibenarkan ialah RM100,000 terdiri daripada 100,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dengan modal saham diterbitkan dan berbayar sebanyak, terdiri daripada 2 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham. Pada 29 Februari 1996, modal saham THB yang dibenarkan telah dinaikkan kepada RM25,000,000.

Pada 27 November 1997, modal saham THB yang dibenarkan telah ditambah kepada RM50,000,000 terdiri daripada 50,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham.

1.2.2 Butir-butir perubahan dalam modal saham THB yang diterbitkan dan berbayar sejak diperbadankan hingga cadangan terbitan awam selesai dilaksanakan adalah seperti berikut:-

| **Tarikh peruntukan** | **Bil saham biasa** | **Nilai tara RM** | **Cadangan** | **Jumlah modal saham diterbitkan dan berbayar RM** |
|---|---|---|---|---|
| 20.10.95 | 2 | 1.00 | Saham-saham pelanggan | 2 |
| 11.03.96 | 12,000,000 | 1.00 | Pelaburan dalam anak syarikat | 12,000,002 |
| 06.09.96 | 2,000,000 | 1.00 | Terbitan hak | 14,000,002 |
| 18.09.96 | 8,000,000 | 1.00 | Modal kerja | 22,000,002 |
| 28.11.97 | 12,000,001 | 1.00 | Terbitan hak | 34,000,003 |

**1.3 Cadangan Penyenaraian dan Sebut Harga**

1.3.1 Sehubungan dengan, dan sebagai bahagian penting daripada cadangan penyenaraian dan sebut harga bagi modal saham THB yang diterbitkan dan berbayar pada Papan Kedua BSKL, Syarikat akan melaksanakan yang berikut:

- Terbitan Awam

Syarikat melaksanakan terbitan awam 6,150,000 saham baru THB mewakili lebih kurang 15.3% modal saham Syarikat yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan pada harga terbitan RM2.00 setiap saham untuk diperuntukkan seperti berikut:-

| | **Bil. saham Baru THB** | **% modal saham THB yang diperbesarkan** |
|---|---|---|
| Orang Awam Malaysia | 4,350,000 | 10.8 |
| Kakitangan Kumpulan THB yang layak | 1,800,000 | 4.5 |
| | 6,150,000 | 15.3 |

- Penyenaraian pada BSKL

Apabila selesai melaksanakan Terbitan Awam, Syarikat akan memohon mendapat penyenaraian bagi keseluruhan modal saham syarikat yang diterbitkan dan berbayar yang diperbesarkan terdiri daripada 40,150,003 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham pada Papan Kedua BSKL.

## 1.4 Maklumat mengenai Anak-anak Syarikat

1.4.1 Anak-anak syarikat THB, semuanya diperbadankan di Malaysia (kecuali sebagaimana ditunjukkan), pada tarikh laporan ini dan kegiatan utama mereka adalah seperti berikut:-

| Syarikat | Kegiatan utama | Kepentingan berkesan | Tarikh pemerbadanan |
|---|---|---|---|
| Tomisho Sdn Bhd ("TSB") | Mengilang dan mengeksport bahangian-bahagian komponen, perabot, bahagian-bahagian perindustrian dan kejuruteraan | 100% | 2 September 1985 |
| Apota Sdn Bhd ("ASB") | Pengedaran dan peruncitan perabot, hiasan dalaman, peralatan dan aksesori golf | 100% | 9 Disember 1982 |
| * Seng Yip Furniture Sdn Bhd ("SYF") | Pengilangan dan perdagangan kayu beracuan dan mengilang keluaran perabot | 51% | 5 Mac 1993 |
| All Star Wood Products Sdn Bhd ("ASWP") | Mengilang dan mengeksport bahagian-bahagian dan komponen venir | 100% | 7 Oktober 1995 |
| PC Chains (M) Sdn Bhd ("PCC") | Perdagangan rantai penghantar dan bahagian-bahagian kejuruteraan | 100% | 26 Julai 1985 |
| Tomisho Woodtech Sdn Bhd ("TWSB") | Lengai | 100% | 5 Ogos 1996 |
| Tomisho (UK) Ltd (Diperbadankan di United Kingdom) ("TUK") | Pejabat pemasaran bagi TSB | 100% | 23 Julai 1997 |
| Apota Furnishing Sdn Bhd ("AFSB") | Kontraktor am dan perunding rekabentuk dalaman | 100% | 11 Mei 1994 |

| Syarikat | Kegiatan utama | Kepentingan berkesan | Tarikh pemerbadanan |
|---|---|---|---|
| ** Le Creaciones Sdn Bhd("LC") | Peruncitan dalam perabot, artifak, peralatan tempat tidur dan set sofa | 100% | 7 Februari 1995 |
| ** Furniture Discounters Sdn Bhd ("FDSB") | Pengedaran dan peruncitan perabot | 100% | 16 Oktober 1997 |
| Tomisho Properties Sdn Bhd ("TPSB") | Lengai | 100% | 7 April 1993 |

* Dipegang secara langsung melalui Tomisho Sdn Bhd

** Dipegang secara langsung melalui Apota Sdn Bhd

1.4.2 THB bersama dengan anak-anak syarikatnya selepas ini dirujuk sebagai "Kumpulan".

1.4.3 Pada 10 Jun 1999, THB selesai melaksanakan pengambilalihan keseluruhan modal saham Seng Yip Furniture Sdn Bhd (SYF) yang diterbitkan dan berbayar terdiri daripada 5,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham bagi jumlah balasan pembelian sebanyak RM16,500,000 berdasarkan NTA belum audit SYF pada 31 Mei 1999. Balasan pembelian dijelaskan melalui penyerahan hak hutang memihak kepada penjual.

**1.5 Akaun dan Juruaudit**

Akhir tahun kewangan Kumpulan ialah 31 Julai. Kami telah bertindak sebagai juruaudit THB sejak tarikh pemerbadanannya. Anak-anak syarikat diaudit oleh firma-firma akauntan lain.

Laporan juruaudit Kumpulan THB dan anak-anak syarikatnya bagi tahun-tahun/tempoh kewangan di bawah kajian tidak tertakluk kepada mana-mana kelulusan.

### 1.6 Dividen

Butir-butir dividen dibayar oleh THB berhubung dengan lima tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 adalah seperti berikut:-

| Tahun Kewangan Berakhir | Modal diterbitkan & berbayar | Kadar dividen | Dividen bersih |
|---|---|---|---|
| | RM'000 | % | RM'000 |
| 31.7.1995 | - | - | - |
| 31.7.1996 | 12,000 | - | - |
| 31.7.1997 | 22,000 | - | - |
| 31.7.1998 | 34,000 | 13* | 3,468 |
| 31.7.1999 | 34,000 | 10 – dikecualikan cukai | 3,400 |

* 10% setiap saham tolak cukai dan 3% setiap saham, dikecualikan cukai.

## 2 RINGKASAN KEPUTUSAN

### 2.1 Proforma Keputusan Disatukan

Kami bentangkan di bawah proforma keputusan disatukan bagi lima (5) tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999 Kumpulan selepas pelarasan-pelarasan tertentu yang dianggap perlu diandaikan Kumpulan telah sedia ada sepanjang tempoh di bawah kajian. Proforma keputusan disatukan berikut hendaklah dibaca bersama dengan nota-nota mengiringinya:-

| | <-----Proforma----→ | | <-------------------Teraudit-------------------> | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | <Tahun berakhir 31 Julai----→ | | | < -- Tahun berakhir 31 Julai --> | | |
| | | | 20.10.1995 to 31.7.1996 | 1997 | 1998 | 1999 |
| | | | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Jumlah dagangan | 36,798 | 57,132 | 14,872 | 76,129 | 105,844 | 131,137 |
| Keuntungan sebelum susut nilai, faedah dan perkara terkecuali | 4,380 | 9,628 | 4,001 | 13,540 | 18,357 | 27,157 |
| Susut nilai | (643) | (1,142) | (315) | (2,739) | (3,975) | (7,420) |
| Perbelanjaan faedah | (744) | (1,390) | (411) | (3,024) | (2,948) | (6,664) |
| Pendapatan faedah | - | - | - | - | 337 | 307 |
| Perkara terkecuali | - | - | - | - | - | (1,378) |
| Keuntungan sebelum cukai | 2,993 | 7,096 | 3,332 | 8,007 | 11,771 | 13,380 |
| Cukai | (1,059) | (2,320) | (778) | (1,556) | (4,044 | (2,061) |
| Keuntungan selepas cukai | 1,934 | 4,776 | 2,554 | 6,451 | 7,727 | 11,319 |
| Kepentingan minoriti | (68) | (511) | - | - | - | (1,125) |
| Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti | 1,886 | 4,265 | 2,554 | 6,451 | 7,727 | 10,194 |
| Bil. saham biasa bernilai RM1.00 sedaham dalam Terbitan ('000) | - | 12,000 | 12,000 | 22,000 | 34,000 | 34,000 |
| Proforma/purata wajaran bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan ('000) | 12,000 | 12,000 | 12,000 | 20,733 | 30,055 | 34,000 |
| Perolehan setiap saham (sen) | | | | | | |
| - Kasar | 24.4 | 54.9 | 27.8 | 38.6 | 39.2 | 36.0 |
| - Bersih | 15.6 | 35.5 | 21.3 | 31.1 | 25.7 | 29.9 |

Anak-anak syarikat THB telah dibeli/ditubuhkan pada tahun/tempoh kewangan berakhir:

| Anak-anak syarikat | Tahun/Tempoh berakhir |
|---|---|
| TSB, ASB, PCC, ASWP, AFSB, TPSB | 31 Julai 1996 |
| LC | 31 Julai 1997 |
| TWSB, TUK, FDSB | 31 Julai 1998 |
| SYF | 31 Julai 1999 |

**Nota Kepada Ringkasan Keputusan**

(i) Kepentingan minoriti

Kepentingan minoriti bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1995 kepada 31 Julai 1999 berkait kepada kepentingan ekuiti sebanyak 49% dalam SYF dipegang oleh 2 pemegang saham minoriti.

(ii) Perolehan Setiap Saham

Perolehan kasar setiap saham telah dikira berdasarkan keuntungan sebelum cukai dan selepas kepentingan minoriti ke atas proforma bilangan sebanyak 12,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1995 dan 1996, ke atas purata wajaran bilangan sebanyak 20,733,000 dan 30,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1997 dan 31 Julai 1998 dan 34,000,000 saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999. Perolehan bersih setiap saham dikira dengan cara yang sama menggunakan keuntungan selepas cukai.

(iii) Tidak ada perkara terkecuali dalam tahun-tahun di bawah kajian.

2.2 Ringkasan Akaun Untung Rugi

**2.2.1 THB**

| | Tempoh 9 bulan hingga 31/7/96 RM'000 | <----------Tahun berakhir 31 Julai 1997 RM'000 | 1998 RM'000 | 1999 RM'000 ---------> |
|---|---|---|---|---|
| Jumlah dagangan | - | 1,296 | 7,370 | 4,400 |
| Keuntungan sebelum susut nilai dan faedah | - | 1,291 | 7,016 | 3,853 |
| Susut nilai | - | - | (80) | (116) |
| Perbelanjaan faedah | - | - | (10) | (17) |
| Pendapatan faedah | - | - | 28 | - |
| Keuntungan sebelum cukai | - | 1,291 | 6,954 | 3,720 |
| Tolak : Cukai | - | (362) | (1,705) | - |
| Keuntungan selepas cukai | - | 929 | 5,249 | 3,720 |
| Bil. saham biasa bernilai RM 1.00 sesaham dalam terbitan ('000) | 12,000 | 22,000 | 34,000 | 34,000 |
| Purata wajaran bilangan saham biasa bernilai RM1.00 sesaham dalam terbitan ('000) | 4,600 | 20,733 | 30,055 | 34,000 |
| Perolehan bersih setiap saham (Sen) | NA | 4.5 | 17.5 | 10.9 |

Nota:-

(a) THB memulakan operasinya dalam tahun berakhir 31 Julai 1997. Jumlah dagangan mewakili pendapatan dividen dan yuran pengurusan daripada anak-anak syarikat.

(b) Kadar cukai berkesan bagi Syarikat pada 1998 adalah lebih rendah daripada kadar cukai berkanun terutamanya akibat daripada sesetengah pendapatan tidak tertakluk kepada cukai.

Tidak ada caj cukai bagi tahun berakhir 31 Julai 1999 memandangkan pengecualian cukai pada 1999 diumumkan oleh Menteri Kewangan Pertama pada Cadangan Belanjawan 1999 yang diadakan di Parlimen pada 23 Oktober 1998.

(c) Tidak ada perkara luar biasa atau terkecuali dalam tahun-tahun/tempoh di bawah kajian.

## 2.3 Ringkasan Keputusan Anak-anak Syarikat

### 2.3.1 TSB

| | <---- Tahun berakhir 31 Dis----> | | | 7 bulan berakhir 31 Julai | Tahun berakhir <----31 Julai ----> | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | 1994 | 1995 | 1996 | 1997 | 1998 | 1999 |
| | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 | RM'000 |
| Jumlah dagangan | 19,493 | 30,354 | 41,828 | 33,098 | 75,725 | 88,440 |
| Keuntungan sebelum susut nilai, faedah dan perkara terkecuali | 2,629 | 5,258 | 7,759 | 6,028 | 12,292 | 15,591 |
(i) mengagih saham-saham perbendaharaan sebagai dividen kepada Ahli-ahli dalam cara sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang;

(ii) menjual semula saham-saham perbendaharaan pada Bursa selaras dengan peraturan-peraturan Bursa yang berkenaan; atau

(iii) berurusniaga dengan saham-saham dalam cara sebagaimana mungkin dari masa ke masa ditetapkan dan dibenarkan oleh undang-undang.

Hak-hak yang ada pada saham-saham yang dipegang sebagai saham-saham perbendaharaan tidak akan diambil kira dalam mengira bilangan atau peratusan saham atau kelas saham dalam Syarikat untuk apa-apa tujuan.

***Artikel 5***

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta dan kepada Tataurusan ini saham-saham akan berada di bawah kawalan Syarikat dalam Mesyuarat Agung. Syarikat boleh dalam mesyuarat agung membenarkan Lembaga untuk menerbit, menguntuk, meletakkan di bawah opsyen atau sebaliknya berurusniaga dengan atau melupuskannya kepada orang-orang tertentu pada masa-masa tertentu dan secara am atas terma-terma dan syarat-syarat tertentu sebagaimana mereka fikirkan wajar tetapi agar tidak ada saham boleh diterbitkan pada diskaun melainkan selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta.

Dengan syarat bahawa:-

(a) Syarikat tidak boleh menerbitkan saham-saham yang akan mempunyai kesan memberi kepentingan mengawal dalam Syarikat kepada mana-mana orang, syarikat atau sindiket tanpa kebenaran terdahulu ahli-ahli yang disahkan dengan sewajarnya dalam mesyuarat agung yang dipanggil untuk tujuan tersebut;

(b) Tidak ada Pengarah boleh menyertai dalam terbitan saham kepada kakitangan melainkan pemegang-pemegang saham dalam mesyuarat agung telah meluluskan peruntukan khusus yang akan dibuat kepada para Pengarah tertentu dan melainkan beliau memegang jawatan dalam keupayaan eksekutif. Walau bagaimanapun seseorang Pengarah bukan eksekutif boleh menyertai dalam terbitan saham selaras dengan terbitan awam atau tawaran awam;

(c) Jumlah nilai nominal bagi saham-saham keutamaan yang diterbitkan tidak boleh melebihi jumlah nilai nominal pada bila-bila masa;

(d) Hak-hak yang ada pada saham-saham kelas selain saham-saham biasa hendaklah dinyatakan dalam resolusi membentuk yang sama;

(e) Sekiranya Syarikat pada bila-bila masa menerbitkan modal keutamaan ia hendaklah pada masa yang sama menyatakan sama ada ia merizabkan hak untuk menerbitkan modal keutamaan selanjutnya yang bertaraf sama dengan atau dalam keutamaan kepada modal keutamaan yang hendak diterbitkan;

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

(f) Pemegang-pemegang saham keutamaan hendaklah mempunyai hak-hak yang sama seperti pemegang-pemegang saham berhubung dengan penerimaan notis, laporan dan kunci kira-kira dan menghadiri mesyuarat agung Syarikat. Pemegang-pemegang saham keutamaan juga mempunyai hak untuk mengundi pada mana-mana mesyuarat yang diadakan untuk tujuan mengurangkan modal atau menggulung atau mensanksi penjualan usahaniaga Syarikat atau di mana mana-mana resolusi yang akan dikemukakan kepada mana-mana mesyuarat secara langsung melibatkan hak-hak dan/atau keistimewaan mereka atau apabila dividen ke atas saham-saham keutamaan tersebut telah tertunggak bagi tempoh lebih dari enam (6) bulan.

***Artikel 6***

Sebagai tambahan kepada semua kuasa-kuasa membayar komisyen, Syarikat boleh melaksanakan mana-mana kuasa yang diberikan oleh Akta bagi menggunakan saham-saham atau wang modal dalam membayar komisyen kepada orang-orang yang melanggan atau mengusahakan langganan bagi saham-saham Syarikat, atau bersetuju untuk berbuat demikian, sama ada secara mutlak atau bersyarat: Dengan syarat bahawa kadar peratusan atau jumlah komisyen yang dibayar atau bersetuju untuk dibayar akan dinyatakan dalam cara yang diperlukan oleh Akta dan tidak boleh melebihi 10 peratus daripada harga pada mana saham-saham berhubung dengan mana komisyen dibayar diterbitkan atau jumlah yang sama dengannya. Syarikat juga boleh atas mana-mana terbitan saham membayar pembrokeran tertentu sebagaimana mungkin dibenarkan oleh undang-undang.

***Artikel 7***

Sekiranya, melalui syarat-syarat penguntukan mana-mana saham, keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah atau harga terbitannya perlu dibayar secara ansuran, setiap ansuran hendaklah, bila teraku, dibayar kepada Syarikat oleh orang yang buat masa ini dan dari masa ke masa menjadi pemegang berdaftar saham atau wakil peribadi undang-undang dan perkataan "panggil" bila mana digunakan dalam Tataurusan ini hendaklah dianggap sebagai merangkumi satu ansuran.

***Artikel 8***

Melainkan sebagaimana diperlukan oleh undang-undang tidak ada orang boleh diiktiraf oleh Syarikat sebagai memegang mana-mana saham atas mana-mana amanah dan Syarikat tidak akan terikat oleh atau diperlukan dalam apa-apa cara untuk mengiktiraf (walaupun bila mempunyai notis berhubung dengannya) apa-apa kepentingan ekuiti, kontigen, masa depan atau sebahagian dalam mana-mana saham selain hak mutlak kepada keseluruhannya dalam pemegang berdaftar, kecuali hanya sebagaimana melalui Tataurusan ini peruntukan sebaliknya atau sebagaimana Akta perlukan atau selaras dengan mana-mana Perintah Mahkamah atau selaras dengan Akta Depositori Pusat dan Peraturan-peraturan.

*Artikel 43*

Syarikat boleh dari masa ke masa melalui resolusi biasa yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung Syarikat, sama ada kesemua saham yang buat masa ini dibenarkan telah diterbitkan atau kesemua saham yang buat masa ini diterbitkan telah dipanggil sepenuhnya atau tidak, menambah modalnya melalui pembentukan dan terbitan saham-saham baru, pertambahan agregat sedemikian, hendaklah dalam jumlah tertentu dan akan dibahagikan menjadi saham-saham dengan jumlah tertentu sebagaimana Syarikat dalam Mesyuarat Agung arahkan dan Syarikat boleh dalam Mesyuarat Agung tersebut mengarahkan agar saham-saham baru atau mana-mana daripadanya boleh mempunyai keutamaan atau prioriti ke atas saham-saham sedia ada Syarikat pada masa itu dan bahawa hak dan keistimewaan tersebut menjadi berbeza dengan saham-saham sedia ada tersebut sebagaimana mereka fikirkan wajar, dengan syarat sentiasa bahawa jumlah nilai nominal saham-saham keutamaan yang diterbitkan, sekiranya ada, tidak boleh melebihi jumlah nilai nominal saham-saham biasa yang diterbitkan pada bila-bila masa.

*Artikel 44*

(a) Tertakluk kepada mana-mana arahan yang bertentangan yang mungkin diberi oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung, mana-mana saham asal yang pada masa ini tidak diterbitkan dan tidak diperuntukkan dan mana-mana saham baru dari masa ke masa akan dibentuk hendaklah sebelum ia diterbitkan, ditawarkan kepada orang tertentu pada tarikh tawaran yang berhak untuk menerima notis daripada Syarikat mengenai Mesyuarat Agung dalam perkadaran, sehampir mana yang dibenarkan oleh keadaan, kepada jumlah saham sedia ada kepada mana mereka adalah berhak.

Tawaran hendaklah dibuat melalui notis menyatakan bilangan saham ditawarkan dan had masa dalam mana tawaran, sekiranya tidak diterima, akan dianggap telah ditolak, dan, selepas tamat tempoh tersebut, atau atas penerimaan tanda daripada orang kepada siapa tawaran telah dibuat bahawa beliau menolak untuk menerima saham yang ditawarkan, para Pengarah boleh melupuskan saham tersebut dalam cara tertentu sebagaimana yang mereka fikirkan paling menguntungkan Syarikat. Para Pengarah boleh sebaliknya melupuskan mana-mana saham baru yang (melalui alasan nisbah yang saham baru bawa kepada saham-saham dipegang oleh orang yang berhak kepada tawaran saham baru) tidak boleh, pada pendapat para Pengarah, ditawarkan sewenang-wenangnya di bawah peraturan ini.

(b) Tanpa mengambilkira Artikel 44 (A) di atas Syarikat boleh memohon kepada Bursa Saham untuk penepian daripada mengadakan mesyuarat agung luarbiasa untuk mendapat kebenaran pemegang-pemegang saham untuk terbitan saham selanjutnya (selain terbitan bonus dan hak) di mana:-

(i) selaras dengan peruntukan Seksyen 132D Akta masih lagi berkuatkuasa satu resolusi meluluskan penerbitan saham oleh Syarikat; dan

(ii) agregat saham-saham yang diterbitkan dalam mana-mana satu tahun kewangan (selain melalui bonus atau terbitan hak) tidak melebihi sepuluh (10%) peratus daripada modal saham diterbitkan Syarikat.

*Artikel 45*

Tertakluk kepada mana-mana arahan yang mungkin diberi selaras dengan kuasa yang terkandung dalam Memorandum atau Tataurusan ini mana-mana modal yang dikumpul melalui pembentukan saham-saham baru hendaklah dianggap sebagai sebahagian daripada yang asal dan sebagaimana mengandungi saham-saham biasa, dan hendaklah menjadi tertakluk kepada peruntukan-peruntukan yang sama dengan merujuk kepada bayaran panggilan, pemindahan, pengaliran, perlucutan hak, lien dan sebaginya seolah-olah yang sama telah menjadi sebahagian daripada modal asal.

*Artikel 46*

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Seksyen 65 Akta, sekiranya pada bila-bila masa modal saham dibahagikan kepada kelas-kelas saham yang berbeza, hak-hak yang ada kepada mana-mana kelas (melainkan disebaliknya diperuntukkan melalui terma-terma terbitan saham bagi saham kelas tersebut) boleh sama ada atau tidak Syarikat sedang digulung, dipinda atau diubah dengan sanksi resolusi khas yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung berasingan pemegang-pemegang saham kelas tersebut. Kepada setiap Mesyuarat Agung berasingan peruntukan-peruntukan Tataurusan ini berhubung dengan Mesyuarat Agung hendaklah mutatis mutandis terpakai, tetapi agar korum yang diperlukan hendaklah dua orang yang memegang sekurang-kurangnya atau mewakili melalui proksi satu pertiga daripada saham-saham diterbitkan bagi kelas tersebut dan bahawa mana-mana pemegang saham kelas yang hadir secara sendiri atau melalui proksi boleh meminta undi secara pol.

Kepada setiap resolusi khas peruntukan-peruntukan Seksyen 152 Akta hendaklah dengan penyesuaian tertentu sebagaimana diperlukan terpakai. Dengan syarat sentiasa bahawa dalam kes pembayaran balik modal keutamaan selain keutamaan boleh tebus atau apa-apa pindaan lain hak-hak pemegang saham keutamaan, pembayaran balik hanya boleh dibuat selaras dengan resolusi biasa saham-saham keutamaan berkenaan DENGAN SYARAT SENTIASA bahawa, di mana majoriti diperlukan bagi resolusi khas sedemikian tidak diperoleh dalam Mesyuarat Agung, kebenaran secara bertulis, sekiranya diperoleh daripada pemegang tiga perempat daripada saham keutamaan berkenaan dalam masa dua bulan daripada mesyuarat, akan menjadi sah dan berkesan sebagai resolusi khas yang diluluskan dalam mesyuarat tersebut.

*Artikel 47*

Tanpa menjejaskan kepada mana-mana hak atau keistimewaan yang buat masa ini diberikan kepada pemegang-pemegang mana-mana saham sedia ada atau kelas saham, mana-mana saham dalam modal semasa Syarikat dan mana-mana saham baru boleh diterbitkan dengan hak keutamaan, tertunda atau hak-hak lain tertentu atau sekatan-sekatan tertentu, sama ada berhubung dengan dividen, pulangan modal, pengundian atau sebagainya sebagaimana Syarikat mungkin dari masa ke masa melalui resolusi biasa tentukan. Mana-mana saham boleh diterbitkan atas terma-terma bahawa ia adalah, atau pada opsyen Syarikat atau pemegang saham akan menjadi bertanggungjawab, untuk ditebus semula atas terma-terma tertentu dan dalam cara tertentu sebagaimana Syarikat boleh selaras dengan peruntukan-peruntukan Akta tetapkan.

*Artikel 48*

Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta Syarikat boleh melalui Resolusi Biasa:-

(a) Membatal mana-mana saham yang, pada tarikh kelulusan resolusi telah tidak diambil atau bersetuju untuk diambil oleh mana-mana orang dan mengurangkan jumlah modal sahamnya melalui jumlah saham-saham yang dibatalkan; atau

(b) Menyatu dan membahagi kesemua atau mana-mana saham sedia adanya kepada saham-saham berjumlah lebih besar; atas mana-mana penyatuan saham-saham berbayar penuh ke dalam saham-saham berjumlah lebih besar, Lembaga boleh sebagaimana di antara pemegang-pemegang saham yang hendak disatukan menentukan saham yang mana akan disatukan ke dalam setiap saham yang disatukan, dan sekiranya berlaku bahawa mana-mana ahli akan menjadi berhak kepada sebahagian daripada saham yang disatukan atau saham-saham, bahagian tersebut boleh dijual oleh orang yang dilantik oleh Lembaga untuk tujuan tersebut akan kekal dibenarkan untuk dipindah saham-saham yang dijual kepada pembeli-pembelinya dan keesahan pemindahan tersebut tidak boleh dipersoalkan. Perolehan bersih bagi jualan tersebut hendaklah diagihkan di kalangan ahli yang akan sebaliknya menjadi berhak kepada bahagian atau bahagian-bahagian daripada saham disatukan atau saham-saham secara kadar selaras dengan hak-hak dan kepentingan mereka; atau

(c) Memecah bahagi mana-mana daripada saham-saham sedia adanya kepada saham-saham berjumlah lebih kecil dan agar resolusi di mana mana-mana saham dipecah bahagi boleh tentukan bahawa, sebagimana di antara pemegang-pemegang saham-saham yang terhasil pecah bahagian tersebut, satu atau lebih saham-saham tersebut boleh mempunyai hak keutamaan, tertunda atau hak-hak khas yang lain atau menjadi tertakluk kepada mana-mana sekatan tertentu, berbanding dengan saham atau saham-saham lain, sebagaimana Syarikat mempunyai kuasa untuk memberikannya kepada saham-saham baru;

dan boleh melalui Resolusi Khas:-

(d) Mengurang modal sahamnya dan mana-mana dana rizab penebusan modal dan mana-mana akaun premium saham dalam mana-mana cara yang dibenarkan oleh Akta.

## B. PEMINDAHAN SEKURITI

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan ini, Syarat-syarat Penyenaraian Papan Kedua BSKL, Akta Syarikat, 1965 dan Peraturan-peraturan MCD dalam berurusan dengan pengaturan bagi pemindahan sekuriti-sekuriti Syarikat dan sekatan-sekatan ke atas kebebasan kebolehpindahannya adalah seperti berikut:-

### B.1 Artikel

*Artikel 30*

Pemindahan mana-mana saham atau kelas saham dalam Syarikat hendaklah melalui kemasukan buku oleh Depositori Pusat selaras dengan Peraturan-peraturan dan, tanpa mengambilkira Seksyen 103 dan 104 Akta, tetapi tertakluk kepada Seksyen 107C(2) Akta dan mana-mana pengecualian yang mungkin dibuat daripada pematuhan Seksyen 107C(1) Akta, Syarikat akan dihalang daripada mendaftar dan melaksanakan apa-apa pemindahan saham.

*Artikel 31*

(a) Lembaga boleh menolak untuk mendaftar mana-mana pemindahan saham ke atas mana Syarikat mempunyai lien atau mana-mana pemindahan saham, sama ada, berbayar penuh atau tidak, yang dibuat kepada seorang yang bankrap, kanak-kanak atau orang yang tidak siuman atau sekiranya pendaftaran pemindahan akan mengakibatkan percanggahan atau kegagalan untuk mematuhi peruntukan undang-undang di Malaysia, atau pemindahan berhubung dengan saham berbayar sebahagian berhubung mana satu panggilan telah dibuat dan tidak berbayar.

(b) Sekiranya Lembaga menolak untuk mendaftar pemindahan mana-mana saham, mereka hendaklah, dalam masa tiga (3) hari pasaran selepas tarikh ke atas mana pemindahan telah diserahsimpan dengan Syarikat, menghantar kepada penerima pindahan notis penolakan dengan memberikan alasan-alasan tepat.

*Artikel 32*

Daftar Pemindahan dan Daftar Ahli dan pemegang-pemegang Debentur boleh ditutup spada masa tertentu dan bagi tempoh tertentu sebagaimana para Pengarah mungkin dari masa ke masa tentukan, dengan syarat sentiasa bahawa daftar-daftar tersebut tidak boleh ditutup untuk lebih dari tiga puluh (30) hari dalam mana-mana satu tahun.

Notis lapan belas (18) hari pasaran mengenai hasrat untuk menutup buku pemindahan hendaklah diberi melalui iklan dalan akhbar harian dan secara bertulis kepada setiap Bursa Saham ke atas mana Syarikat disenaraikan, dengan menyatakan tempoh atau tempoh-tempoh untuk mana buku-buku akan ditutup dan tujuan dan tujuan-tujuan bagi penutupan tersebut.

Sekurang-kurangnya notis tiga (3) Hari Pasaran terdahulu hendaklah diberi kepada Depositrori Pusat untuk membolehkan Depositori Pusat menyediakan Rekod Pendeposit yang sewajarnya.

*Artikel 33*

Syarikat adalah berhak untuk memusnahkan semua suratcara pemindahan saham yang telah didaftarkan pada bila-bila masa selepas tamat enam (6) tahun dari tarikh pendaftarannya dan semua sijil saham dan mandat dividen yang telah dibatalkan atau tidak lagi berkesan pada bila-bila masa selepas tamat tiga (3) tahun dari tarikh pembatalan dan penamatan dan semua pemberitahuan pertukaran nama dan alamat selepas tamat satu (1) tahun dari tarikh pencatatannya dan ia hendaklah secara konklusif dianggap memihak kepada Syarikat bahawa setiap suratcara pemindahan yang dimusnahkan adalah suratcara yang sah dan berkesan yang didaftarkan dengan sewajarnya dan teratur dan setiap sijil saham yang dimusnahkan adalah dokumen yang sah dan berkesan yang dibatalkan dengan sewajarnya dan teratur dan setiap dokumen lain yang disebut sebelum ini dalam Tataurusan ini yang dimusnahkan adalah dokumen sah dan berkesan selaras dengan butir-butir yang dicatatkan dalam buku atau rekod-rekod Syarikatnya;

Dengan syarat sentiasa bahawa :-

(i) Peruntukan-peruntukan tersebut di atas hendaklah terpakai hanya kepada pemusnahan dokumen dengan suci hati dan tanpa notis mengenai apa-apa tuntutan (tanpa mengambilkira pihak-pihak kepadanya) kepada mana dokumen mungkin adalah relevan:

(ii) Tidak ada apa yang terkandung dalam Tataurusan ini yang akan ditafsirkan sebagai mengenakan ke atas Syarikat apa-apa liabiliti berhubung dengan pemusnahan mana-mana dokumen sedemikian lebih awal daripada yang tersebut di atas atau dalam mana-mana keadaan di mana syarat-syarat peruntukan (i) di atas tidak dipenuhi;

(iii) Rujukan-rujukan dalam Artikel ini berhubung dengan pemusnahan mana-mana dokumen termasuk rujukan-rujukan kepada pelupusannya dalam apa-apa cara.

**B.2 Syarat-syarat Penyenaraian Papan Kedua BSKL**

***Fasal 9.5A - Pemindahan***

Pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti syarikat, hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh Depositori Pusat selaras dengan Peraturan-peraturan Depositori Pusat dan, tanpa mengambil kira Seksyen 103 dan 104 Akta Syarikat, 1965, tetapi tertakluk kepada subseksyen 107C(2) Akta Syarikat, 1965 dan apa-apa pengecualian yang mungkin dibuat daripada pematuhan dengan subseksyen 107C(1) Akta Syarikat, 1965, syarikat hendaklah dikecualikan daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti.

***Fasal 9.5B – Pemindahan sekuriti daripada Daftar Asing***

(1) Di mana-

(a) sekuriti syarikat disenaraikan di Tempat Pasaran Diluluskan; dan

(b) syarikat sedemikian dikecualikan daripada mematuhi Seksyen 14 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat), 1991 atau Seksyen 29 Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) (Pindaan), 1998, mengikut keadaan, di bawah Peraturan-peraturan Depositori Pusat berhubung dengan sekuriti sedemikian,

syarikat sedemikian hendaklah, atas permintaan pemegang sekuriti, membenarkan pemindahan sekuriti dipegang oleh pemegang sekuriti daripada daftar pemegang-pemegang yang disenggarakan oleh pendaftar syarikat dalam bidang kuasa Tempat Pasaran Diluluskan (selepas ini dirujuk sebagai "Daftar Asing"), untuk mendaftarkan pemegang-pemegang yang disenggarakan oleh pendaftar syarikat di Malaysia (selepas ini dirujuk sebagai " Daftar Malaysia") tertakluk kepada syarat-syarat berikut:-

(i) tidak akan terdapat perubahan dalam pemilikan sekuriti tersebut; dan

(ii) penukaran hendaklah disempurnakan dengan menyebabkan sekuriti sedemikian dikreditkan secara langsung ke dalam akaun pemegang sekuriti.

(2) Untuk mengelakkan keraguan, tiada syarikat yang memenuhi keperluan perenggan (a) dan (b) Fasal 9.5B(1) boleh membenarkan apa-apa pemindahan sekuriti daripada Daftar Malaysia kepada Daftar Asing..

**B.3 Akta Syarikat, 1965**

*Seksyen 103(1)*

Tanpa mengambilkira apa-apa dalam tataurusan pertubuhan, syarikat tidak boleh mendaftar pemindahan saham atau debentur melainkan suratcara pemindahan yang sewajarnya dalam borang ditetapkan telah dihantar kepada syarikat, tetapi subseksyen ini tidak akan menjejaskan apa-apa kuasa untuk mendaftar sebagai pemegang saham atau pemegang debentur mana-mana orang kepada siapa hak kepada mana-mana saham dalam atau debentur-debentur syarikat telah dipindahkan melalui operasi undang-undang.

*Seksyen 103(1A)*

Tiada apa dalam seksyen ini boleh ditafsirkan sebagai melibatkan keesahan mana-mana suratcara yang akan berkesan untuk memindah saham atau debentur selain daripada seksyen ini; dan mana-mana suratcara yang dimaksudkan untuk dibuat dalam mana-mana borang yang rasmi atau biasa digunakan, atau dalam mana-mana borang lain yang dibenarkan atau dikehendaki untuk tujuan selain daripada seksyen ini sebelum penguatkuasaan Akta ini, hendaklah mencukupi, sama ada atau tidak ia disempurnakan selaras dengan borang yang ditetapkan, sekiranya ia mematuhi syarat-syarat kepada pelaksanaan dan kandungan yang terpakai kepada pemindahan.

Dengan syarat bahawa syarikat tidak boleh mendaftar pemindahan saham atau debentur, hakmilik yang dibuktikan melalui sijil yang dikeluarkan pada atau selepas tarikh berkuatkuasanya subseksyen ini melainkan suratcara pemindahan sewajarnya dalam borang ditetapkan telah diserahkan kepada syarikat.

*Seksyen 107C (1)*

Pada atau selepas beroperasinya seksyen ini, pemindahan mana-mana sekuriti atau kelas sekuriti syarikat sekuriti yang mana atau kelas sekuriti yang mana telah didepositkan dengan depositori pusat hendaklah melalui cara kemasukan buku oleh depositori pusat selaras dengan peraturan-peraturan depositori pusat dan, tanpa mengambil kira seksyen 103 dan 104, syarikat tersebut hendaklah dikecualikan daripada mendaftarkan dan menguatkuasakan apa-apa pemindahan sekuriti.

*Seksyen 107C (2)*

Subseksyen (1) tidak akan terpakai kepada pemindahan sekuriti-sekuriti kepada depositori pusat atau syarikat nomininya.

**B.4 Peraturan-peraturan MCD**

Peraturan-peraturan dalam MCD mengenai kebolehpindahan sekuriti-sekuriti dan sekatan-sekatan ke atas kebebasan kebolehan dipindah mereka adalah seprti berikut:-

***Peraturan 8.01(2)***

Depositori pusat boleh, dalam budibicara mutlak, menolak permintaan yang dibuat oleh pendeposit di bawahnya, di mana alasan bagi pemindahan tersebut tidak termasuk di bawah mana-mana alasan-alasan dibenarkan di bawah Peraturan 8.03(1)(c).

***Peraturan 8.05A***

Pemindahan-pemindahan yang dibuat oleh ejen depositori bertauliah daripada akaun ejen prinsipal atau nomini hendaklah tertakluk kepada Peraturan-peraturan dalam Bab ini.

***Peraturan 9.03(2)***

Adalah menjadi tanggungjawab ejen depositori bertauliah, dalam memproses pemindahan di antara dua akaun sekuriti milik pendeposit yang berbeza (selepas ini dirujuk sebagai "pemindahan antara akaun"), untuk memeriksa dan memastikan kesempurnaan, ketepatan dan/atau ketulinan dokumen yang diserahkan seperti berikut:-

(a) Borang FTF010 yang ditetapkan (borang permintaan bagi pemindahan biasa sekuriti) atau Borang FTF015 (borang permintaan untuk pemindahan ekspres sekuriti) dilengkapkan sepenuhnya dan sewajarnya dalam tiga salinan;

(b) Pendeposit Memindah telah menandatangani bahagian Pemindah borang tersebut yang disaksikan dengan sewajarnya oleh seorang lain (selain isteri/suami Pendeposit);

(c) Pendeposit Memindah telah menyatakan alasan beliau untuk pemindahan dan bahawa alasan bagi pemindahan tersebut adalah atau di antara mana-mana alasan yang dibenarkan sebagaimana dinyatakan di bawah ini:-

    (i) pengaliran dan pemindahan sekuriti yang timbul daripada peruntukan mana-mana undang-undang bertulis atau perintah mahkamah dalam bidangkuasa yang kompeten;

    (ii) pembetulan kesilapan;

    (iii) sandaran, gadaian atau gadai janji;

    (iv) tawaran mandatori selaras dengan peruntukan-peruntukan Kod mengenai Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia 1987;

    (v) mana-mana keadaan lain yang dianggap wajar oleh Depositori Pusat selepas berunding dengan SC;

(d) dokumen untuk menyokong alasan bagi pemindahan;

(e) dokumen mengiringi lain yang diproses dengan sewajarnya dalam cara tertentu sebagaimana Depositori Pusat mungkin dari masa ke masa tentukan dalam Manual Prosedurnya.

## C. IMBUHAN PARA PENGARAH

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan Pertubuhan berurusan dengan imbuhan para Pengarah adalah seperti berikut:-

*Artikel 92*

Imbuhan para Pengarah hendaklah satu jumlah tetap yang akan dari masa ke masa ditetapkan oleh Syarikat dalam Mesyuarat Agung dan imbuhan tersebut hendaklah dibahagikan di kalangan para Pengarah sebagaimana mereka akan tentukan atau dalam ketiadaan persetujuan secara sama rata. Para Pengarah juga hendaklah dibayar perbelanjaan perjalanan, hotel atau perbelanjaan-perbelanjaan lain sebagaimana mungkin secara munasabah ditanggung oleh mereka dalam pelaksanaan kewajipan mereka termasuk perbelanjaan tertentu yang ditanggung berhubung dengan kehadiran mereka dalam mesyuarat-mesyuarat para Pengarah. Sekiranya melalui pengaturan dengan para Pengarah lain mana-mana Pengarah hendaklah melaksanakan atau menjalankan apa-apa kewajipan atau perkhidmatan di luar bidang tugas biasanya sebagai seorang Pengarah, para Pengarah boleh membayar beliau imbuhan khas dalam jumlah sekaligus sebagai tambahan kepada imbuhan biasanya. Yuran yang perlu dibayar kepada para Pengarah tidak boleh ditambah selaras dengan resolusi yang diluluskan dalam Mesyuarat Agung, di mana notis bagi kenaikan yang dicadangkan itu telah diberi dalam notis mengadakan mesyuarat. Walau bagaimanapun, imbuhan para Pengarah eksekutif, boleh, termasuk peratusan keuntungan tertentu sebagaimana para Pengarah mungkin tentukan tetapi tidak boleh dalam apa-apa keadaan termasuk komisyen ke atas atau peratusan jumlah dagangan. Para Pengarah bukan eksekutif tidak boleh walau apapun diberi imbuhan melalui komisyen ke atas atau peratusan keuntungan atau jumlah dagangan.

*Artikel 99*

Imbuhan Pengarah Urusan dan Timbalan Pengarah Urusan, sekiranya ada, hendaklah dari masa ke masa ditetapkan oleh Lembaga dan boleh melalui cara gaji atau komisyen atau penyertaan dalam keuntungan atau sebagainya atau melalui mana-mana atau kesemua cara ini, tetapi tidak boleh melalui komisyen ke atas atau peratusan jumlah dagangan.

## D. KUASA MENGUNDI DAN MEMINJAM PARA PENGARAH

Peruntukan-peruntukan dalam Tataurusan dalam berurusan dengan kuasa-kuasa mengundi para Pengarah dalam cadangan, pengaturan atau kontrak-kontrak dalam mana mereka adalah berkepentingan dan kuasa-kuasa meminjam yang boleh dilaksanakan oleh mereka dan bagaimana kuasa-kuasa meminjam tersebut noleh dipinda adalah seperti berikut:-

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

*Artikel 95*

Tidak ada Pengarah akan hilang kelayakan untuk memegang mana-mana jawatan atau tempat berganjaran di bawah Syarikat atau di bawah mana-mana syarikat dalam mana Syarikat akan menjadi pemegang saham atau sebaliknya berkepentingan atau daripada berkontrak dengan Syarikat sama ada sebagai penjual, pembeli dan sebagainya, tidak juga mana-mana kontrak sedemikian, atau mana-mana kontrak atau pengaturan yang dimasuki oleh atau bagi pihak Syarikat dalam mana, mana-mana Pengarah adalah dalam apa-apa cara berkepentingan, dielakkan, tidak juga mana-mana Pengarah menjadi bertanggungjawab untuk memberitahu kepada Syarikat bagi apa-apa keuntungan yang diperoleh melalui mana-mana kontrak atau pengaturan tersebut hanya atas alasan Pengarah tersebut memegang jawatan atau hubungan fidusiari yang wujud melaluinya.tetapi adalah diisytiharkan bahawa jenis kepentingan beliau hendaklah didedahkan oleh beliau pada mesyuarat para Pengarah pana mana kontrak atau pengaturan pertama sekali diambil kira sekiranya kepentingan beliau yang wujud pada masa itu, atau dalam mana-mana keadaan lain pada mesyuarat agung para Pengarah selepas pengambialihan kepentingan beliau.

Sekiranya para Pengarah menjadi berkepentingan dalam kontrak atau pengaturan selepas ia dibuat atau ditandatangani pendedahan kepentingan beliau hendaklah dibuat pada mesyuarat pertama para Pengarah yang diadakan selepas beliau menjadi berkepentingan. Tidak ada para Pengarah yang boleh mengundi pada mana-mana kontrak atau kontrak dicadangkan atau pengaturan dalam mana beliau adalah secara langsung atau tidak langsung, berkepentingan secara peribadi atau atas mana-mana perkara yang timbul daripadanya dan sekiranya beliau mengundi, undinya tidak boleh dikira. Dengan syarat sentiasa bahawa seorang Pengarah boleh mengundi atas mana-mana pinjaman wang yang beliau mungkin buat kepada Syarikat dan atas mana-mana sekuriti yang akan diberi oleh Syarikat kepada beliau bagi mana-mana pinjaman sedemikian dan atas mana-mana kontrak atau tanggungrugi kepada diri beliau sendiri terhadap apa-apa kerugian yang mungkin dialami oleh beliau atas sebab menjadi atau sebagai seorang penjamin bagi Syarikat dan atas mana-mana kontrak dalam mana beliau hanya berkepentingan atas sebab menjadi ahli mana-mana syarikat yang merupakan pihak kepada atau berkepentingan dalam kontrak tersebut. Dengan syarat selanjutnya bahawa larangan ini boleh digantung atau dilonggarkan hingga setakat yang tertentu melalui resolusi biasa dalam Mesyuarat Agung.

*Artikel 120*

Para Pengarah boleh dari masa ke masa atas budibicara mereka melaksanakan semua kuasa Syarikat untuk meminjam wang dan untuk menggadai janji atau menggadai usahaniaganya, harta dan modal belum dipanggil, atau mana-mana bahagian daripadanya, dan untuk menerbitkan debentur dan sekuriti-sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sekuriti bagi mana-mana hutang, liabiliti atau obligasi Syarikat, atau anak-anak syarikat milik penuhnya.

*Artikel 121*

Para Pengarah tidak boleh meminjam apa-apa wang atau menggadai janji atau menggadai mana-mana daripada usahaniaga, harta Syarikat atau anak-anak syarikat atau mana-mana modal tidak dipanggil, atau untuk menerbitkan debentur dan sekuriti-sekuriti lain sama ada secara langsung atau sebagai sekuriti bagi mana-mana hutang, liabiliti atau obligasi pihak ketiga yang tidak berkaitan.

*Artikel 122*

Debentur, stok debentur atau sekuriti-sekuriti lain boleh dijadikan boleh diserah hak bebas daripada apa-apa ekuiti di antara Syarikat dan orang kepada siapa yang sama mungkin diterbitkan.

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

*Artikel 123*

Mana-mana debentur, stok debentur, bon-bon atau sekuriti-sekuriti lain boleh diterbitkan pada diskaun, premium atau sebagainya dan dengan apa-apa keistimewaan khas berhubung dengan penebusan, penyerahan, pengeluaran, peruntukan saham, menghadiri dan mengundi dalam Mesyuarat Agung Syarikat, pelantikan para Pengarah dan sebagainya.

*Artikel 124*

Para Pengarah hendaklah menyebabkan daftar yang sewajarnya untuk disimpan selaras dengan Seksyen 115 Akta bagi semua gadai janji dan gadaian yang secara khusus melibatkan harta Syarikat dan hendaklah memetauhi dengan sewajarnya keperluan-keperluan Seksyen 108 Akta berhubung dengan pendaftaran gadai janji dan gadaian yang dinyatakan di dalamnya dan sebagainya.

*Artikel 125*

Sekiranya para Pengarah atau mana-mana daripada mereka, atau mana-mana orang lain akan menjadi bertanggungjawab sepenuhnya bagi bayaran mana-mana jumlah yang teraku secara utama daripada Syarikat, para Pengarah boleh melaksanakan atau menyebabkan untuk dilaksanakan apa-apa gadai janji, gadaian atau sekuriti ke atas atau melibatkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada aset-aset Syarikat melalui tanggungrugi untuk menjamin para Pengarah atau orang-orang yang menjadi bertanggungjawab seperti tersebut di atas daripada apa-apa kerugian berhubung dengan liabiliti tersebut.

*Artikel 126*

Satu daftar pemegang-pemegang debentur Syarikat hendaklah disimpan di Pejabat Berdaftar Syarikat atau pejabat Pendaftar dan akan dibuka untuk pemeriksaan pemegang-pemegang berdaftar bagi debentur-debentur tersebut dan mana-mana Ahli Syarikat, tertakluk kepada sekatan-sekatan tertentu sebagaimana Syarikat dalam Mesyuarat Agung boleh dari masa ke masa kenakan. Lembaga boleh menutup daftar tersebut bagi tempoh atau tempoh-tempoh tertentu sebagaimana mereka fikirkan wajar, tidak melebihi agregat tiga puluh hari dalam mana-mana tahun.

### 13.3 PARA PENGARAH DAN PEMEGANG-PEMEGANG SAHAM UTAMA

(i) Nama, alamat dan pekerjaan para Pengarah dinyatakan dalam Seksyen 2 Prospektus ini.

(ii) Seorang Pengarah tidak diperlukan untuk memegang apa-apa saham kelayakan dalam Syarikat.

(iii) Tidak ada Pengarah yang mempunyai apa-apa kontrak perkhidmatan sedia ada dan dicadangkan dengan Syarikat atau mana-mana anak syarikatnya, tidak termasuk kontrak-kontrak yang tamat, atau boleh ditamatkan oleh syarikat yang menggaji tanpa bayaran atau pampasan (selain daripada pampasan berkanun) dalam masa satu tahun.

(iv) Tidak ada Pengarah, pegawai eksekutif kanan atau orang dicalonkan untuk menjadi Pengarah atau pegawai eksekutif kanan telah atau adalah terlibat dalam peristiwa-peristiwa berikut:-

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

(a) petisyen di bawah mana-mana undang-undang kebankrapan yang difailkan terhadap orang tertentu atau mana-mana perkongsian dalam mana beliau merupakan rakan kongsi atau mana-mana perbadanan yang beliau adalah seorang Pengarah atau pegawai eksekutif kanan;

(b) sabitan dalam prosiding jenayah atau subjek yang dinamakan dalam prosiding jenayah yang belum diputuskan; atau

(c) subjek mana-mana perintah, penghakiman atau keputusan mana-mana mahkamah yang mempunyai bidangkuasa kompeten, tribunal atau badan kerajaan melarang beliau secara kekal atau sementara daripada bertindak sebagai penasihat pelaburan, peniaga sekuriti, pengarah atau kakitangan institusi kewangan dan terlibat dalam mana-mana jenis amalan atau kegiatan perniagaan.

(v) Bagi tahun kewangan berakhir 31 Julai 1999, agregat imbuhan dan yuran yang dibayar kepada para Pengarah bagi perkhidmatan yang diberikan dalam semua keupayaan kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya berjumlah RM356,140. Bagi tahun kewangan semasa akan berakhir 31 Julai 2000, jumlah perlu dibayar kepada para Pengarah bagi khidmat-khidmat kepada Syarikat dan anak-anak syarikatnya dianggarkan berjumlah RM400,000.

(vi) Tidak ada opsyen untuk melanggan bagi sekuriti-sekuriti Syarikat atau mana-mana daripada anak-anak syarikatnya telah diberikan atau dilaksanakan oleh mana-mana Pengarah dalam tahun kewangan yang lepas.

(vii) Tidak ada pengarah atau pemegang saham utama Syarikat mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam mana-mana perniagaan yang menjalankan perniagaan yang serupa seperti Syarikat dan anak-anak syarikatnya dan yang tidak disebut harga dalam bursa saham yang diiktiraf.

(viii) Tidak ada para Pengarah Syarikat mempunyai apa-apa kontrak atau pengaturan yang wujud pada tarikh Prospektus yang penting berhubung dengan perniagaan Syarikat dan anak-anak syarikatnya, diambil secara keseluruhan.

(ix) Tidak ada Pengarah atau pemegang saham utama Syarikat mempunyai apa-apa kepentingan, langsung atau tidak langsung, dalam penganjuran atau dalam mana-mana aset yang telah dibeli atau bercadang untuk dibeli atau aset-aset dilupuskan atau bercadang untuk dilupuskan oleh atau dipajak kepada atau bercadang untuk dipajak kepada Syarikat atau mana-mana daripada anak-anak syarikatnya, dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh Prospektus ini.

(x) Menurut Daftar Pemegangan Saham Para Pengarah pada 15 Januari 2000 (merupakan tarikh terakhir paling munasabah sebelum Prospektus ini dicetak), kepentingan benefisial para Pengarah, langsung dan tidak langsung, dalam saham Syarikat sbelum dan selepas Terbitan Awam, adalah seperti berikut:-

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

| | <------Sebelum Terbitan Awam------> | | | |
|---|---|---|---|---|
| | <------Bil. Saham Dipegang------> | | | |
| | **Langsung** | **%** | **Tak Langsung** | **%** |
| Lim Eng Huat | - | - | 17,310,998* | 50.91* |
| Lim Eng Ann | 31,005 | 0.09 | 10,177,000@ | 29.93@ |
| Zahari bin Kechik | 299,000 | 0.87 | - | - |
| Kee Lian Yong | - | - | - | - |
| Lim Seng Chai | - | - | - | - |
| Liew Yong Choon | - | - | - | - |
| Md Nahar bin Noordin | - | - | - | - |
| Siew Boon Yeong | - | - | - | - |

| | <------Selepas Terbitan Awam------> | | | |
|---|---|---|---|---|
| | <------Bil. Saham Dipegang------> | | | |
| | **Langsung** | **%** | **Tak Langsung** | **%** |
| Lim Eng Huat | - | - | 17,310,998* | 43.12* |
| Lim Eng Ann | 31,005 | 0.08 | 10,177,000@ | 25.35@ |
| Zahari bin Kechik | 299,000 | 0.74 | - | - |
| Kee Lian Yong | - | - | - | - |
| Lim Seng Chai | - | - | - | - |
| Liew Yong Choon | - | - | - | - |
| Md Nahar bin Noordin | - | - | - | - |
| Siew Boon Yeong | - | - | - | - |

* *Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan beliau dalam Eastern Premium Sdn Bhd dan Kota Infotek Sdn Bhd*

@ *Dianggap berkepentingan selaras dengan kepentingan beliau dalam Eastern Premium Sdn Bhd*

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

(xi) Pemegang-pemegang saham sedia ada dan kepentingan langsung dan tidak langsung mereka masing-masing dalam saham-saham Syarikat pada tarikh Prospektus ini dan selepas Terbitan Awam dijadualkan di bawah:-

| | <---belum Terbitan Awam---> | | | |
|---|---|---|---|---|
| | <---Bil. Saham dipegang ---> | | | |
| | **Langsung** | **%** | **Tak Langsung** | **%** |
| Eastern Premium Sdn Bhd | 10,177,000 | 29.93 | - | - |
| Kota Infotek Sdn Bhd | 7,133,998 | 20.98 | - | - |
| Kumpulan Emas Berhad | 4,490,000 | 13.21 | - | - |
| Perbadanan Nasional Berhad | 7,800,000 | 22.94 | - | - |
| Lim Eng Ann | 31,005 | 0.09 | 10,177,000@ | 29.93 |
| Lim Eng Huat | - | - | 17,310,998* | 50.91 |
| Lim Eng Hoe | - | - | 7,133,998^ | 20.98 |

| | <---Selepas Terbitan Awam ---> | | | |
|---|---|---|---|---|
| | <---Bil. Saham dipegang ---> | | | |
| | **Langsung** | **%** | **Tak Langsung** | **%** |
| Eastern Premium Sdn Bhd | 10,177,000 | 25.35 | - | - |
| Kota Infotek Sdn Bhd | 7,133,998 | 17.77 | - | - |
| Kumpulan Emas Berhad | 4,490,000 | 11.18 | - | - |
| Perbadanan Nasional Berhad | 7,800,000 | 19.43 | - | - |
| Lim Eng Ann | 31,005 | 0.08 | 10,177,000@ | 25.35 |
| Lim Eng Huat | - | - | 17,310,998* | 43.12 |
| Lim Eng Hoe | - | - | 7,133,998^ | 17.77 |

* *Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan saham beliau dalam Eastern Premium Sdn Bhd dan Kota Infotek Sdn Bhd*

@ *Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan saham beliau dalam Eastern Premium Sdn Bhd*

^ *Dianggap berkepentingan selaras dengan pemegangan saham beliau dalam Kota Infotek Sdn Bhd*

## 13. MAKLUMAT BERKANUN DAN AM

(xii) Maklumat mengenai pemegang-pemegang saham utama sedia ada THB dijadualkan di bawah:-

| Syarikat | Kegiatan Utama | Para Pengarah | Pemegang-pemegang saham utama | Bil. Saham biasa dipegang | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | | | Langsung | % | Tak Langsung | % |
| Kumpulan Emas Berhad | Kejuruteraan dan pengilangan, perladangan dan kilang minyak sawit, perhutanan, harta, pendidikan dan pemegangan pelaburan | 1. Gen (B) Tan Sri Dato' Mohd Ghazali Haji Che Mat<br>2. Teoh Seng Foo<br>3. Kee Lian Yong<br>4. Teoh Seng Kian<br>5. Othman b. Merah<br>6. Lee Teik Yang<br>7. Lim Seng Chai<br>8. Mohamed Saleh bin Gomu | 1. Meda Capital Sdn Bhd<br>2. Bernas Bermutu Sdn Bhd<br>3. Teoh Seng Foo<br>4. Teoh Seng Kian<br>5. Teoh Seng Aun<br>6. Norma bt Ibrahim<br>7. Mohd Nor b. Ibrahim | 72,000,000<br>18,000,000<br>750,000<br>727,000<br>-<br>-<br>- | 18.8<br>4.7<br>0.2<br>0.2<br>-<br>-<br>- | -<br>-<br>*72,000,000<br>*72,000,000<br>*72,000,000<br>#18,000,000<br>#18,000,000 | -<br>-<br>18.8<br>18.8<br>18.8<br>4.7<br>4.7 |
| Perbadanan Nasional Berhad | Syarikat Pemegangan pelaburan | 1. Dato' Mohamed Ghaus b. Badioze Zaman<br>2. Dato' Haji Hanafi b. Ramli<br>3. Dato' Dr. Abdullah b. Mohd Tahir<br>4. Syed Tamim Ansari b. Syed Mohamed<br>5. Hanifah bt. Hassan<br>6. Mat Hassan b. Esa<br>7. Mustaffa Kamil b. Md. Ismail<br>8. Kamariah bt. Hussain | 1. Ministry of Finance (Incorporated)<br>2. BBMB Kewangan Berhad<br>3. Syarikat Nominee Bumiputera Tempatan | 746,762,178<br>2,000,000<br>1,000,000 | 99.43<br>0.27<br>0.14 | -<br>-<br>- | -<br>-<br>- |
| Eastern Premium Sdn Bhd | Syarikat pemegangan pelaburan | 1. Lim Eng Ann<br>2. Lim Eng Huat | 1. Lim Eng Ann<br>2. Lim Eng Huat | 1<br>1 | 50<br>50 | -<br>- | -<br>- |
| Kota Infotek Sdn Bhd | Syarikat pemegangan pelaburan | 1 Lim Eng Hoe<br>2. Lim Eng Huat | 1 Lim Eng Hoe<br>2. Lim Eng Huat | 1<br>1 | 50<br>50 | -<br>- | -<br>- |

* *Dianggap berkepentingan melalui Meda Capital Sdn Bhd (pemegang-pemegang saham Meda Capital Sdn Bhd adalah Teoh Seng Foo (25,000 saham-25%), Teoh Seng Aun (50,000 saham-50%) dan Teoh Seng Kian (25,000-25% saham))*

\# *Dianggap berkepentingan melalui Bernas Bermutu Sdn Bhd (pemegang saham Bernas Bermutu Sdn Bhd are Norma binti Ibrahim (500 shares-50%) and Mohd Nor bin Ibrahim (500 saham-50%)*

## 13.4 AM

(i) Jenis perniagaan Kumpulan dan nama kesemua syarikat dianggap berhubung kait dengan Syarikat selaras dengan Seksyen 6 Akta Syarikat, 1965 telah dinyatakan dalam Seksyen 9.5 Prospektus ini.

(ii) Masa pembukaan dan penutupan berkenaan bagi Senarai Permohonan dinyatakan dalam Seksyen 15.1 Prospektus ini.

(iii) Jumlah perlu dibayar penuh semasa permohonan ialah RM2.00 setiap Saham Terbitan Awam.

(iv) Tiada jumlah atau faedah telah dibayar atau diberi dalam masa dua (2) tahun sebelum tarikh Prospektus ini, tidak juga ia berhasrat untuk dibayar atau diberi, kepada mana-mana penganjur.

(v) Kumpulan THB belum lagi menerbitkan tempat perniagaan di luar Malaysia melainkan sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 9.5 Prospektus ini,

(vi) Para Pengarah tidak menyedari apa-apa maklumat material termasuk faktor-faktor perniagaan atau risiko yang tidak berkemungkinan diketahui atau dijangkakan oleh orang awam yang mungkin secara material menjejaskan keuntungan Kumpulan.

(vii) Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Prospektus ini, keadaan kewangan dan operasi Kumpulan tidak terjejas oleh mana-mana daripada yang berikut:-

(a) Arah aliran atau permintaan yang diketahui, komitmen, kejadian atau ketidakpastian yang akan menyebabkan atau secara munasabahnya boleh menyebabkan kecairan dalam Kumpulan bertambah atau berkurangan dalam apa-apa cara yang material;

(b) Komitmen material untuk perbelanjaan modal

(c) Kejadian atau urusniaga atau perubahan ekonomi luar biasa atau jarang-jarang berlaku yang secara material menjejaskan jumlah pendapatan dilaporkan daripada operasi ; dan

(d) Arah aliran atau ketidakpastian yang diketahui yang telah atau yang mana Syarikat secara munasabah menjangkakan akan mempunyai kesan material menguntungkan atau merugikan ke atas perolehan atau pendapatan operasi Kumpulan; dan

Setakat yang para Pengarah sedari, Kumpulan tidak terdedah kepada apa-apa faktor atau peristiwa daripada jenis khusus selain daripada risiko komersil biasa yang dialami semasa perjalanan biasa perniagaan.

(viii) Kecuali sebagaimana dinyatakan dalam Seksyen 6.1 Prospektus ini, tidak ada skim yang melibatkan kakitangan dalam modal syarikat atau anak-anak syarikatnya pada tarikh Prospektus ini.

(ix) Pada tarikh Prospectus ini, sama ada Syarikat mahu pun anak-anak syarikatnya tidak mempunyai apa-apa sekuriti hutang boleh tukar atau apa-apa sekuriti hutang yang dibentuk tetapi tidak diterbitkan.

(x) Cara dalam mana salinan Prospektus ini bersama dengan Borang Permohonan dan sampul surat boleh didapati dinyatakan dalam Seksyen 15 Prospektus ini.

(xi) Nama dan alamat Juruaudit Syarikat dinyatakan dalam Seksyen 2 Prospektus ini.